



● BIL 255 ● 22 - 28 MAC 2024 ● PP19441/12/2018 (035014)

ILAYAHKU

www.wilayahku.com.my



AMBIL TINDAKAN KERAS

Kempen normalisasi
hina raja
>> 7

Hilangnya tradisi
kad raya
>> 8

Gastrik bukan alasan
tidak puasa
>> 9-11

Bangunkan 13 negeri secara saksama

YDPA Sultan Ibrahim ingatkan kerajaan

AZLAN ZAMBRY

YANG di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim mengingatkan Kerajaan Persekutuan supaya memberikan perhatian dan peruntukan yang ada untuk membangunkan 13 negeri lain.

Titah baginda, ia bertujuan agar peruntukan yang ada dapat dibahagikan secara saksama supaya pembangunan yang seimbang dapat dicapai di seluruh negara.

"Ibarat pepatah Melayu ada menyebut: hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicicah" sekiranya semua negeri dibangunkan bersama, penghijrahan penduduk ke pusat bandaraya akan dapat dikurangkan dan kesesakan jalan raya akan lebih terkawal.

Baginda bertitah demikian sempena Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang Dan Pingat Wilayah Persekutuan Bagi Tahun 2024 di Istana Negara pada Selasa.

Hadir sama, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan isteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) Dr Zaliha Mustafa.



WARGA kota digesa untuk sama-sama menjaga kebersihan dan alam sekitar.

Baginda bertitah setelah hampir dua bulan tinggal di Kuala Lumpur ini, baginda melihat pembangunan ekonomi dan infrastruktur di ibu kota ini adalah sangat pesat berbanding bandar-bandar lain di Malaysia.

"Pembangunan ekonomi di Kuala Lumpur dan Putrajaya, telah membuka banyak peluang pekerjaan dan menyebabkan penghijrahan penduduk dari

negeri-negeri ke kawasan Wilayah Persekutuan.

"Oleh sebab itu, kerajaan terpaksa membangunkan infrastruktur awam yang lebih cekap untuk mengatasi kesesakan jalan raya dan memenuhi keperluan penduduk banda raya yang semakin padat.

"Persoalannya, adakah kerana wilayah ini ditadbir secara terus oleh Kerajaan Persekutuan,

banyak peruntukan pembangunan ditumpukan kepada tiga Wilayah ini sahaja?" titahnya.

Titah baginda bahawa semua rakyat jelata mengetahui bahawa baginda suka memandu sendiri kereta dan dapat lihat dengan jelas keadaan jalan raya dan kawasan sekitarnya.

"Apa yang saya nampak, masih ada beberapa tempat di Kuala Lumpur ini yang kotor dan tidak

diselenggara dengan baik.

"Oleh itu saya menyeru, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur agar sentiasa memantau dan mengambil tindakan untuk meningkatkan tahap kebersihan bandaraya.

"Awak semua ada banyak kakitangan yang lalu-lalang di dalam bandar, mustahil tidak nampak kawasan yang kotor.

"Janganlah tunggu sampai saya tegur. Masyarakat kota juga digesa untuk sama-sama menjaga kebersihan dan alam sekitar. Jangan membuang sampah merata-rata atau menjadikan longkang dan sungai sebagai tempat pembuangan sampah," titah baginda.

Baginda bertitah, kurang dari dua minggu lagi, akan genaplah dua bulan baginda memegang tampuk Ketua Negara.

"Apabila habis tempoh bulan madu ini, saya akan mulakan cara pemerintahan saya yang sebenar.

"Ingin saya tegaskan, yang saya akan memikul amanah Raja-Raja Melayu untuk menjaga kepentingan rakyat dan negara.

"Saya bukan patung untuk disembah, atau dijadikan perhiasan di dalam majlis, atau dipaksa mengikut segala kata dan kehendak menteri," titah baginda.



36 penerima layak DKBP WP

PENGURNIAAN Darjah Kebesaran, Bintang Dan Pingat Wilayah Persekutuan adalah untuk memberikan pengiktirafan kepada individu yang telah berjasa, mencurahkan khidmat bakti atau menyumbang kepada kemajuan Wilayah Persekutuan, titah Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim.

"Oleh yang demikian, saya sendiri telah meneliti setiap calon, yang disediakan oleh jawatankuasa pemilihan dan pada tahun ini, saya telah membuat keputusan hanya 36 orang penerima sahaja yang benar-benar layak untuk dianugerahkan," titah baginda.

Baginda bertitah demikian sempena Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang Dan Pingat Wilayah Persekutuan Bagi Tahun 2024 di Istana Negara pada Selasa.

Baginda turut mengucapkan tahniah kepada mereka yang akan menerima darjah kebesaran, bintang dan pingat.

"Semoga anugerah yang diberikan ini, menjadi penyuntik semangat untuk terus menabur bakti dan menjadi contoh kepada masyarakat," titahnya.

Sultan Ibrahim turut berkenan untuk mengurniakan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat



YANG di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim mengalungkan pingat kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Sr Kamarulzaman Mat Salleh.

Wilayah Persekutuan kepada 36 penerima sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2024 dalam Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan Tahun 2024 yang telah diadakan pada 19 Mac 2024.

Pada istiadat pengurniaan kali ini, Darjah Kebesaran Pangkat Kedua Seri Mahkota Wilayah (S.M.W.) yang membawa gelaran Datuk Seri kepada seorang individu, lapan anugerah Darjah Kebesaran Pangkat Ketiga iaitu

Panglima Mahkota Wilayah (P.M.W.) yang membawa gelaran Datuk. Lapan anugerah Darjah Kebesaran Pangkat Keempat iaitu Johan Mahkota Wilayah (J.M.W.), enam anugerah Darjah Kebesaran Pangkat Kelima iaitu Kesatria Mahkota Wilayah (K.M.W.), lima anugerah Darjah Kebesaran Pangkat Keenam iaitu Ahli Mahkota Wilayah (A.M.W.) dan lapan anugerah Darjah Kebesaran Pangkat Ketujuh iaitu Pingat Pangkuan Mahkota Wilayah (P.P.W.).

DBKL batal hampir 400 lesen perniagaan

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah membatalkan kira-kira 387 lesen perniagaan dan penjaja atas kesalahan menyewakan kepada warga asing.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) Dr Zaliha Mustafa berkata tindakan itu diambil dari tempoh 2022 sehingga Februari 2024 yang lalu.

"Dari tahun 2022 hingga Februari 2024, DBKL telah membatalkan 321 lesen premis dan 66 lesen penjaja," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan yang dikemukakan oleh Senator Datuk Mohd Hisamudin Yahaya yang bertanyakan mengenai langkah jangka panjang DBKL dalam menangani masalah sosial seperti Mini Dhaka di Kuala Lumpur yang sering muncul selepas operasi penangkapan warga asing tanpa izin dilakukan.

Zaliha berkata, menerusi operasi di Mini Dhaka

yang dilaksanakan dalam bulan Januari hingga Februari sahaja, DBKL telah melakukan 34 tindakan sitaan.

"Dengan kerjasama DBKL dan Bomba, kita telah adakan operasi bersepadu dan ini juga telah kita laksanakan tindakan rob struktur sekatan dalaman dan ini telah melibatkan 108 struktur binaan yang telah dilakukan di empat buah premis," katanya.

Kata Zaliha, DBKL dari semasa ke semasa akan menguatkuasakan undang-undang dengan melaksanakan pemantauan dan rondaan secara berkala ke atas aktiviti-aktiviti yang dijalankan warga asing ini terutamanya dalam bidang perniagaan.

"DBKL mengambil tindakan kompaun dan menyita peralatan atas barang-barang perniagaan yang tidak ada kebenaran atau dilesenkan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur di bawah beberapa peruntukan undang-undang."

Isu tulisan Allah

Agong murka kalimah suci dipermainkan

SYED HAZIQUE

YANG di-Pertuan Agong (YDPA) Sultan Ibrahim murka serta menzahirkan perasaan dukacita berhubung isu penjualan stoking (sarung kaki) yang tertera kalimah Allah di sebuah rangkaian kedai serbaneka.

Menerusi hantaran di laman Facebook Sultan Ibrahim Sultan Iskandar, baginda bertitah, sewaktu berangkat ke Istiadat Pembukaan Penggal Ketiga Parlimen Ke-15 di Parlimen bulan lalu, baginda telah mengingatkan semua lapisan masyarakat supaya menjaga keharmonian negara dan tidak memainkan isu sensitif melibatkan agama, kaum dan Raja-Raja.

Justeru, baginda mahu tindakan sekeras-kerasnya diambil terhadap mana-mana pihak yang didapati bersalah dalam isu ini berdasarkan siasatan pihak berkuasa.

“Kalimah Allah itu dipandang sangat tinggi pada sanubari umat Islam, tambahan pula kita berada di bulan Ramadan. Tidak patutlah timbul perkara yang membangkitkan kemarahan.

“Saya baru sahaja menegur dan mengingatkan akan kepentingan rakyat berbilang bangsa bersatu padu dan menghormati antara satu sama lain dalam titah sulung saya di Parlimen, timbul pula perkara ini.

“Sama ada ia disengajakan ataupun tidak, sama ada ia diimport atau dikeluarkan di kilang tempatan, saya mahu penguatkuasa siasat dan ambil tindakan sekeras-kerasnya mengikut lunas undang-undang yang ada supaya pisang tidak berbuah dua kali,” titah Seri Paduka Baginda kepada Royal Press Office (RPO).

Sultan Ibrahim bertitah, adalah tidak masuk akal sebuah syarikat dengan kakitangannya terdiri daripada warganegara Malaysia



AGONG titah isu agama dan kaum sebegitu tidak boleh dibenarkan berlaku lagi.

tidak peka dengan perkara sedemikian.

“Sudah sekian lama kita hidup dalam sebuah negara majmuk. Kesilapan isu agama dan kaum sebegini tidak boleh diterima dan dibenarkan untuk berlaku lagi,” titah baginda.

Sementara itu, Kementerian Dalam Negeri (KDN) menyerahkan kepada pihak polis untuk memanggil mana-mana pihak memberikan kenyataan bagi mengungkapkan siasatan isu penjualan stoking yang tertera kalimah Allah di sebuah rangkaian kedai serbaneka

Menterinya, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata pihak polis juga menerima beberapa laporan yang telah dibuat terhadap isu tersebut untuk membantu siasatan.

Sebelum ini, media melaporkan, Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr Shamsul Anuar Nasarah berkata siasatan berhubung isu penjualan stoking tertera kalimah Allah sudah bermula dan bertumpu kepada

vendor atau pengedar produk berkenaan ke pasaran.

Satu kertas siasatan dibuka di bawah Seksyen 298A Kanun Keseksaan dan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

Pihak KDN juga sentiasa memantau supaya perkara sebegini tidak akan berulang lagi.

Dalam pada itu, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sebagai institusi yang bertanggungjawab menyelaras pengurusan hal ehwal Islam di peringkat persekutuan memandang serius terhadap isu tersebut kerana telah mengguris hati umat Islam.

Ketua Pengarahnya, Datin Paduka Hakimah Mohd Yusof berkata JAKIM juga telah memanggil Pengasas dan Pengerusi Eksekutif Kumpulan KK Supermart & Superstore Sdn Bhd, Datuk Seri Dr KK Chai.

“Amaran keras telah diberikan supaya perkara ini tidak berulang lagi. Pihak syarikat juga telah memberi penjelasan mengenainya dan langkah-langkah untuk

mengelakkan isu seumpama ini berulang.

“Pihak KK Supermart & Superstore Sdn Bhd juga bersetuju untuk mengkaji dan mengemaskini semula prosedur operasi standard (SOP) syarikat,” katanya baru-baru ini.

Tambah beliau, JAKIM turut menyokong tindakan Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang telah membuka kertas siasatan terhadap isu penjualan stoking tertera kalimah Allah.

“JAKIM memberi peringatan kepada semua pengusaha,

pengilang, pembekal dan pengimport untuk sentiasa cakna dan memberi perhatian serius terhadap isu-isu sensitif melibatkan agama dan kaum bagi mengekalkan keharmonian serta kesejahteraan masyarakat keseluruhannya di negara ini.

“Dalam masa yang sama, semua pihak dinasihatkan untuk tidak membangkitkan isu-isu lama yang menyentuh aspek 3R (agama, raja, dan kaum) dan menyerahkan perkara ini kepada pihak berkuasa untuk mengambil tindakan,” ujarnya.

KRONOLOGI ISU PENJUALAN STOKING TERTERA KALIMAH ALLAH

16 MAC - Pengasas dan Pengerusi Eksekutif Kumpulan KK Mart, Datuk Seri Dr KK Chai memohon maaf atas perkara tersebut sambil menyifatkan insiden sebagai sesuatu yang tidak dijangkakan oleh pihaknya. Beliau juga meminta agar orang ramai tidak memboikot kedai serbaneka tersebut.

18 MAC - Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr Shamsul Anuar Nasarah berkata siasatan berhubung isu penjualan stoking tertera kalimah Allah sudah bermula dan bertumpu kepada vendor atau pengedar produk berkenaan ke pasaran. Polis juga membuka kertas siasatan di bawah Seksyen 298A Kanun Keseksaan dan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

20 MAC - Kilang yang terbabit dengan kontroversi pengedaran stoking tertera kalimah Allah menutup operasinya bermula hari ini.

- Polis Diraja Malaysia (PDRM) sudah merakam keterangan pengasas KK Supermart & Superstore Sdn Bhd berhubung isu penjualan stoking tertera kalimah Allah.

13 MAC - Tular di media sosial isu penjualan stoking yang tertera kalimah Allah di sebuah kedai serbaneka di Bandar Sunway, Petaling Jaya, Selangor.

7 MAC - Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar menyatakan kalimah Allah adalah kalimah suci yang sangat tinggi di mata umat Islam dan meletakkannya pada stoking adalah satu penghinaan. Beliau menyerahkan segala siasatan kepada pihak berkuasa.

19 MAC - Yang di-Pertuan Agong (YDPA) Sultan Ibrahim murka serta menzahirkan perasaan dukacita berhubung isu penjualan stoking yang tertera kalimah Allah di sebuah rangkaian kedai serbaneka.

Semua pihak harus lebih sensitif isu 3R elak perbalahan kaum

ORANG ramai tidak kira bangsa, kaum serta agama, seharusnya lebih sensitif dan peka terhadap perkara-perkara yang boleh membangkitkan isu-isu 3R (agama, raja dan kaum).

Presiden Angkatan Belia Islam (ABIM), **Ahmad Fahmi Mohd Samsudin** memohon agar mana-mana pihak tidak mengganggu gugat keharmonian perpaduan kaum di negara ini.

“Dalam hal ini saya fikir, bila merujuk soal sensitiviti pastinya ia tidak mudah bagi umat Islam terutamanya dalam bulan Ramadan untuk biarkan ia

berlalu begitu sahaja.

“Sebagai langkah ke hadapan, saya ingin menasihati supaya kesemua pihak untuk menjaga hal sensitiviti ini, kerana ia mampu mendatangkan banyak perkara yang buruk serta merosakkan semangat perpaduan di dalam negara ini,” katanya ketika dihubungi pada Selasa.

Tambah Ahmad Fahmi, diharapkan isu stoking ini tidak akan berulang lagi di masa hadapan.

Jelasnya lagi, semua pihak seharusnya memainkan peranan dan mempunyai sifat tanggungjawab dalam menjaga

keharmonian negara.

“Saya harap isu ini tidak lagi berpanjangan kerana ia akan memudaratkan perhubungan yang telah dicipta ini.

“Kita dapat lihat seperti di media sosial, orang ramai dilihat kecewa dengan isu ini, dan jika tidak diredakan atau dikawal boleh mengakibatkan sentimen dan perpecahan kaum,” jelasnya.

Menurut Ahmad Fahmi, dia berharap agar isu tersebut tidak dipolitikan dan digunakan untuk kepentingan oleh pihak-pihak tertentu.

“Kita tidak mahu isu seperti ini jadi bahan atau sumber digunakan untuk kepentingan oleh pihak-pihak yang suka menangkuk di air keruh.

“Seharusnya sebagai negara yang mempunyai masyarakat majmuk, kita sepatutnya bersatu-padu, menghormati serta meraikan kepelbagaian agama dan bangsa,” ujarnya.

Sehubungan itu, Ahmad Fahmi berkata, dia berharap agar orang ramai terutamanya umat Islam di negara untuk terus bersabar serta tangani isu tersebut dengan rasional.

“Kita ambil semangat sempena bulan Ramadan yang mulia ini, kita bersabar, dan diminta juga supaya tiada pihak untuk lakukan sebarang provokasi yang berlebih-lebihan.

“Saya juga berharap agar kerajaan mengenakan tindakan yang tegas terhadap pelaku

kerana telah melanggar kesucian agama Islam.

“Yang paling penting, elakkan daripada membangkitkan sebarang isu-isu 3R yang boleh membawa kepada masalah perkauman,” katanya.

Pada 13 Mac lalu, tular dalam media sosial isu stoking tertera kalimah Allah dijual di KK Mart Bandar Sunway, selepas gambar produk itu dimuat naik pengguna.

Sabtu lalu, KK Super Mart & Superstore Sdn Bhd (KK Super Mart) dilaporkan memohon maaf berhubung penjualan stoking berjenama Miranosock yang tertera kalimah Allah di beberapa cawangan kedai serbaneka itu.



AHMAD FAHMI

Isu kurma Israel

Kerajaan bukti tentang kezaliman

KERAJAAN terus menentang sekeras-kerasnya kezaliman Israel ke atas Palestin selain Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim lantang mengkritik negara barat yang hipokrit memperjuangkan kebebasan Palestin.

Bagi menzahirkan pendirian teguhnya, Malaysia bukan sahaja bertindak memboikot produk bahkan sekatan perdagangan dan ekonomi turut dikenakan terhadap Israel.

Sempena ketibaan bulan Ramadan, produk kurma dari Israel turut diharamkan penjualannya di negara ini.

Namun terbaharu pihak berkuasa merampas 73 pek buah kurma seberat 14.6 kilogram bernilai RM678 yang dipercayai berasal dari Israel.

Malah, seorang lelaki warga tempatan dipercayai pemilik perniagaan berkenaan turut ditahan untuk siasatan lanjut.

Situasi tersebut mendatangkan kemarahan pelbagai pihak sehinggakan ada yang menuduh kerajaan hanya mampu bercakap namun tidak melaksanakan pemantauan yang ketat sehingga produk tersebut boleh berada di pasaran.

Tanpa usul periksa golongan yang tidak bertanggungjawab terus memainkan isu ini sehinggakan menimbulkan pelbagai reaksi negatif dan menjadi isu panas yang dimainkan di media sosial.

Cakna dengan situasi yang berlaku, Kementerian Perdagangan



PENGUNA perlu bijak melakukan semakan negara pengeluar produk kurma sebelum membeli. - Gambar hiasan

Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) membuka 11 kes siasatan termasuk enam kes melibatkan pencatutan sepanjang dua hari Ops Pantau di bazar Ramadan di seluruh negara.

Dalam operasi pada 12 dan 13 Mac itu, sebanyak 3,099 premis diperiksa.

Ia membuktikan kerajaan sentiasa memandag serius perkara tersebut sekali gus mengambil tindakan tegas terhadap produk kurma dari Israel.

Menterinya, Datuk Armizan

Mohd Ali berkata KPDN melihat secara terperinci penjualan kurma yang didakwa selain akan mengambil tindakan tegas sekiranya mempunyai maklumat berhubung pihak yang cuba mengelirukan pengguna.

Seharusnya semua pihak memainkan peranan yang penting dalam memastikan perkara sebegini tidak berulang lagi.

Pengguna perlu sentiasa peka serta menjadi pengguna bijak dengan melakukan semakan terlebih dahulu kandungan selain

negara pengeluar produk sebelum memutuskan untuk membelinya.

Dengan tindakan yang lebih terperinci seperti ini sangat membantu dalam mengekang masalah seperti ini.

Untuk rekod, di bawah Seksyen 5, Akta Perihal Dagangan, mana-mana pihak yang didapati bersalah boleh didenda sehingga RM100,000, atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya (individu dan syarikat) boleh didenda sehingga RM250,000. 

Bukan berseronok tetapi urusan negara

RANGKA lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ke Jerman telah pun tamat dan kini beliau sudah pun kembali dengan pelbagai peluang untuk memanfaatkan lokasi Malaysia sebagai destinasi pelaburan pilihan Jerman.

Usaha beliau yang dilihat begitu komited menarik pelabur asing bakal memberi pulangan lumayan kepada negara untuk jangka masa panjang selain membawa Malaysia ke arah negara maju.

Walaupun sudah terbukti komitmen beliau tidak berbelah bahagi namun masih terdapat cakap-cakap yang menidakkan usaha tersebut dan menuduh beliau bercuti di luar negara sambil berseronok.

Urusan rasmi negara yang dilaksanakan dipolitikkan oleh pihak yang tidak berpuas hati seolah-olah mahu mengajak rakyat bersama-sama mengiyakan tuduhan palsu tersebut.

Anwar ketika menghadiri Perhimpunan Bulanan Warga Jabatan Perdana Menteri baru-baru ini berkata selama lima hari rangka lawatan kerja ke negara tersebut



MARTABAT negara bakal diangkat semula beberapa tahun akan datang.

masa yang ada dipenuhi hanya dengan menghadiri mesyuarat.

"Tentunya saya selaku Perdana Menteri, Zahid Hamidi (Timbalan Perdana Menteri), kita dihujat pelbagai tuduhan pergi bercuti di luar negara dengan seronok, pergi guna pesawat kerajaan, salah guna kuasa, guna wang banyak.

"Saudara, tak terjawab saya

tapi percayalah, Jerman lima hari saya ke sana, kedai pun saya tak pergi, saya tak ada kerja lain selain dari hotel ke mesyuarat," kata beliau menjawab pertuduhan yang dilemparkan.

Malah beliau begitu kesal dengan segelintir pihak yang membuat tuduhan tersebut sekali gus menggambarkan seorang

Perdana Menteri (PM) tidak menjalankan tugas untuk negara.

"Saya bukan pergi satu hari mesyuarat hari kedua main golf, itu tradisi lama. Ada lapang selepas program saya jalan laju sekejap, itu ada... kalau itu dianggap salah saya minta ampun dan maaf.

"Tuduhannya tidak benar sama sekali. Adakah sebagai PM, saya tak boleh ke luar negara? Saya terpaksa saudara, kita tak akan dapat dukungan sebegini rupa kalau kita tak menyantuni.

"Jadi saya harap kita tumpu.

Percayalah bagi masa dalam beberapa tahun, kita boleh angkat semula martabat kita. Kita dah ketinggalan dari aspek transformasi digital (dan) transisi tenaga, ini hal yang sangat mendesak untuk negara kita.

"Bincanglah soal ini, sekali sekala nak cakap pasal bak kut teh bolehlah tapi janganlah ambil masa panjang sangat," seloroh beliau.

Dalam rangka pertemuan rasmi bersama beberapa pelabur baru-baru ini, Anwar mengakui mereka memuji kecekapan penyampaian perkhidmatan awam negara yang semakin baik. 

MENARIK WILAYAHKU



KUALA LUMPUR

23 - 24/3/24: Iftar @ KL 2024 @ Dataran Merdeka

6/3 - 6/4/24: KL Tower Photos and Videos Contest 2024 @ Menara Kuala Lumpur

12/3 - 7/4/24: Jualan Rahmah Bergerak @ Kuala Lumpur

1/3 - 31/5/24: Project Temporary Marking @ Balai Seni Negara



PUTRAJAYA

8/3 - 9/4/24: Festival Ramadan Putrajaya @ Dataran Putrajaya

22/3/24: Tazkirah Muzikal @ FRP2024

27/7/24: Ecotrail Putrajaya



LABUAN

23 - 28/4/24: Labuan International Sea Challenge @ Labuan International Sea Sport Complex

26 - 28/4/24: Kejohanan Bola Sepak Pantai Terbuka Labuan @ Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan

3 - 5/5/24: Labuan Big Show @ Dataran Labuan

28/1 - 30/6/24: Labuan Diving Festival 2.0

Anak kecil bakal pemimpin

Pendidikan mampu ubah masa depan

Apakah cabaran yang dihadapi sepanjang tempoh perkhidmatan sebagai Ahli Parlimen Batu Pahat?

Siapa sahaja yang tidak diduga, tanpa cabaran tiada kejayaan. Semestinya cabaran utama yang saya hadapi di awal pentadbiran ialah untuk menyesuaikan diri dengan kesemua pihak termasuk rakyat di sini. Ia bukan mudah namun, tidak mustahil.

Pelbagai cara yang digunakan dalam memenangi hati rakyat demi memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada mereka seperti turun padang ke majlis, adakan majlis bersama penduduk dan sebagainya.

Amat penting bagi seorang pemimpin atau wakil rakyat untuk dikenali penduduk setempat, bagi memudahkan urusan.

Masalah komunikasi itu sering terjadi, biasanya Batu Pahat bukan seperti bandar Kuala Lumpur, namun, saya bersama pasukan akan memastikan kesemua kira-kira 60 kampung diberikan informasi atau bantuan secukupnya kepada mereka.

Apakah fokus utama YB sepanjang tempoh berkhidmat sebagai Ahli Parlimen Batu Pahat?

Jika hendak diikuti semuanya saya capai, tiada satu pun yang terabai, walaupun bagaimanapun, fokus saya adalah lebih kepada bidang pendidikan.

Anak-anak kecil ini adalah pemimpin yang akan membangunkan negara pada masa hadapan. Justeru itu, pembangunan dalam bidang pendidikan amat penting untuk dibangunkan.

Peruntukan sebanyak hampir RM2 juta dibahagikan kepada kesemua sekolah rendah dan menengah dengan naik taraf infrastruktur, program-program bersifat akademi yang membantu pembelajaran pelajar, aktiviti ibu bapa bersama guru-guru dan banyak lagi.

Dalam aspek sosial pula, bagaimana YB menilai perhubungan bersama ketua kampung di kawasan Batu Pahat?

Amat penting sekali sebagai wakil rakyat untuk kita menjaga perhubungan bersama penduduk setempat.

Pada awalnya, memang sukar untuk saya mengenali mereka semua, dan proses itu juga

AHLI Parlimen Batu Pahat mewakili Parti Keadilan Rakyat (PKR) **ONN ABU BAKAR** adalah seorang pemimpin berkaliber dalam mengurus perihwal masalah rakyat tanpa mengira masa dan ketika.

Segala permasalahan ditangani dengan tenang walau berhadapan pelbagai cabaran yang berliku. Fokus utama yang diberi penekanan adalah pendidikan anak-anak di kawasan tersebut.

Wartawan *Wilayahku*, **SYED HAZIQUE SYED NOR** berpeluang mendengar segala pengalaman daripada sisi beliau yang berkongsi pengalaman sepanjang perkhidmatannya di kawasan Parlimen Batu Pahat.



mengambil sedikit masa.

Namun, Alhamdulillah kini, hubungan kami kukuh, mengenali satu sama lain, malah ia juga memudahkan urusan bantuan-bantuan yang diperlukan oleh penduduk kampung melalui ketua kampung serta tok penghulu.

Kerajaan sedang dalam usaha memerangi miskin tegar, bagaimanakah YB membantu kerajaan untuk mengatasi masalah ini?

Umum sedia maklum, isu ini sudah berlanjutan sejak sekian lama, apa yang boleh katakan, saya bersama pasukan memang bertungkus-lumus memastikan golongan ini diberi bantuan secukupnya.

Saya dan pasukan saya, akan mengambil data daripada eKasih kemudian mencari mereka untuk memberikan bantuan yang sewajarnya.

Bukan setakat itu sahaja, kami juga berkomunikasi bersama ketua-ketua kampung serta tok penghulu demi membantu golongan ini. Antara bantuan yang diberikan seperti makanan, wang ringgit, barangan keperluan, pakaian dan pelbagai lagi.

Selain itu, kita juga sediakan

kemahiran kepada mereka untuk belajar membuat sesuatu yang boleh mendatangkan pendapatan tetap kepada mereka, sekali gus membantu mengubah nasib diri serta keluarga.

Difahamkan, negara kita, semakin mencapai taraf negara tua, apakah inisiatif yang dilaksanakan YB dalam membantu golongan warga emas?

Golongan warga emas, kita kena faham, mereka sudah menjangkau usia di mana mereka banyak serba-serbi kekurangan.

Di situ, saya mula menjalinkan kerjasama dengan pusat jagaan warga emas, untuk perbaiki fasiliti bangunan, naik taraf pusat tersebut khas untuk membuatkan tempat itu senang buat mereka.

Selain itu, kita juga ada melakukan aktiviti kerakyatan bersama mereka, seperti kemahiran, kesihatan dan banyak lagi.

Sumbangan turut diberikan seperti makanan, pakaian serta barang keperluan untuk kelangsungan hidup mereka ini.

Alhamdulillah juga, kebanyakan daripada mereka juga sering ke masjid atau surau membuatkan bantuan lebih mudah sampai serta

untuk melakukan apa-apa aktiviti bersama.

Apakah inisiatif lain yang dilaksanakan YB kepada penduduk?

Seperti saya katakan sebelum ini, fokus pentadbiran saya ialah di dalam bidang pendidikan, masa depan anak-anak muda ini.

Pelbagai bantuan serta program yang telah kami jayakan bersama, malahan pada tahun lepas, kira-kira empat buah sekolah dicarum dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Ini juga bertujuan untuk memudahkan mereka di kemudian hari, supaya ada simpanan, amalkan sifat untuk menabung di usia muda, caruman pun bukan seberapa tetapi ada nilai, sebanyak RM10.

Bersempena dengan bulan Ramadan ini, apakah program yang YB jayakan bersama penduduk?

Seperti Ramadan tahun lepas, saya dan pasukan mengedarkan bubur lambuk, memberi sumbangan barangan keperluan kepada penduduk yang memerlukan dan pelbagai lagi.

Tahun ini mungkin sedikit berbeza, namun tujuannya sama untuk mencapai golongan miskin tegar ini dan memberi sumbangan barangan keperluan kepada mereka. Secara keseluruhannya, peruntukkan aktiviti di bulan Ramadan ini sahaja berjumlah RM60,000.

Bagaimana YB menjaga keharmonian penduduk yang majmuk di kawasan ini?

Secara jujur, ia bukan suatu perkara yang mudah untuk dilakukan. Bayangkan kita bukan sahaja cuba menyelesaikan isu satu kaum namun ada lagi kaum dan bangsa lain yang perlu dijaga kebajikannya.

Walaupun bagaimanapun, semua sedia maklum, Batu Pahat terkenal dengan Kopitiam, daripada situ membuatkan masyarakat di sini boleh duduk semeja tanpa mengira agama dan kaum serta bersempang sehingga terlupa waktu.

Itu lah antara keindahan masyarakat Batu Pahat yang bersatu-padu, serta rajin menolong satu sama lain.

Setiap perayaan juga saya akan hadir bagi mengimarahkan lagi perayaan tersebut di samping dapat bersua muka bersama masyarakat setempat.

Apakah harapan YB terhadap penduduk Parlimen Batu Pahat?

Sebenarnya besar harapan saya untuk melihat penduduk Batu Pahat terus berjaya dan membangun.

Saya memerlukan sokongan setiap pelosok penduduk untuk terus mejayakan aspirasi-aspirasi kerajaan di samping memberikan perkhidmatan yang terbaik.

Sejujurnya banyak lagi perkara yang boleh ditambah baik yang sedang diusahakan saya bersama agensi-agensi kerajaan demi kesejahteraan penduduk seperti lampu-lampu jalan, kemudahan infrastruktur, serta yang utama pendidikan.

Seperti yang saya katakan sebelum ini, sektor pendidikan adalah fokus utama saya, kerana mereka ialah harapan kepada keluarga, masyarakat serta negara di masa hadapan.

Selain itu, di Batu Pahat juga telah melahirkan ramai atlet-atlet yang mewakili negara, justeru itu, penglibatan pelajar-pelajar ini bukan dari segi pendidikan sahaja malahan sehingga ke sukan kita akan pastikan mereka mampu melangkah lebih jauh.

Program Teh Hijau Kuala Lumpur

Bantu peniaga raih pendapatan sampingan

HAZIRAH HALIM

SELARAS dengan visi utama kerajaan dalam menjadikan Wilayah Persekutuan sebagai Eco-Friendly City, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bertindak menganjurkan Program Waste to Wealth sebagai langkah dalam menyokong usaha peralihan komuniti ke arah masyarakat rendah karbon.

Justeru itu, menerusi acara yang dianjurkan di bawah Program Teh Hijau Kuala Lumpur edisi Ramadan, para peniaga bazar di sekitar Perkarangan Stadium Bola Sepak Kuala Lumpur telah diberi botol kosong untuk mengisi minyak masak terpakai.

Botol tersebut diberikan sebagai salah satu langkah kepada peniaga untuk menguruskan sisa pepejal dengan baik di samping membantu peniaga meraih pendapatan sampingan.

Salah seorang peniaga, Hatirah Halim, 22, berkata langkah itu seharusnya dilakukan oleh setiap

peniaga memandangkan minyak masak tersebut boleh dikitar semula untuk pelbagai cara.

“Minyak masak merupakan bahan masakan utama dalam penyediaan makanan. Saya akui, amalan yang biasa dilakukan oleh segelintir masyarakat adalah dengan membuangnya selepas selesai digunakan.

“Hakikatnya, sisa minyak masak tersebut boleh dikitar semula sebagai bahan biodiesel dan dapat mengelakkan daripada berlakunya pencemaran kesihatan dalam kalangan masyarakat,” katanya.

Sementara itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Dr Zaliha Mustafa** berkata Program Food Waste to Wealth diadakan bagi menyokong usaha peralihan komuniti ke arah masyarakat rendah karbon.

“Kami turut agihkan botol-botol kosong kepada peniaga di sekitar bazar Ramadan di sini supaya mereka boleh kumpul minyak masak yang digunakan untuk dikomersialkan.



ZALIHA menyampaikan botol kosong kepada peniaga pada Program Teh Hijau Kuala Lumpur.

“Sekiranya peniaga tersebut jual semula minyak masak terpakai, kami akan beli dengan harga RM2.70 sekilogram.

“Ini secara tidak langsung dapat membantu para peniaga untuk menjana pendapatan sampingan dan juga sebagai galakan supaya orang

ramai tidak membuang minyak masak terpakai begitu sahaja,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media Program Teh Hijau Kuala Lumpur edisi Mac 2024 di Perkarangan Stadium Bola Sepak Kuala Lumpur baru-baru ini.

Turut hadir Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil; Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Kamarulzaman Mat Salleh serta Setiausaha Politik Perdana Menteri, Datuk Azman Abidin.

Pada program tersebut, turut diedarkan 37 periuk bubur lambuk dan 37 kawah dodol kepada pengguna jalan raya dengan melibatkan kerjasama Persatuan Menegah Dadah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (PEMADAM), komuniti dari seluruh kawasan Parlimen Kuala Lumpur serta warga kerja DBKL seramai 1,000 orang.

Selain itu, DBKL turut menganjurkan Bazar Percuma dengan tema Ihsan Ramadan iaitu pengagihan barangan terpakai meliputi pakaian, aksesori, kasut dan permainan kanak-kanak kepada 750 orang penerima di mana barang-barang tersebut merupakan sumbangan daripada warga kota serta warga kerja DBKL yang telah dikumpulkan bermula 26 Februari hingga 13 Mac lepas. 

Pekerja asing bawa risiko

ISU menggajikan pekerja dalam kalangan warga asing di bazar Ramadan masih berleluasa biarpun Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mempergiatkan pemantauan dan tindakan penguatkuasaan.

Ia turut mendapat perhatian peniaga tempatan yang menganggap tindakan pihak tidak bertanggungjawab tersebut memberi kesan terhadap aspek keselamatan terutamanya dari segi kesihatan.

Peniaga Nasi Kukus Ayam Berempah, Halim Idris, 56, berpandangan kegiatan tersebut perlu dibanteras kerana ia bukan sahaja membabitkan kesalahan dari segi undang-undang mahupun syarat-syarat yang ditetapkan pihak penguat kuasa malah ia juga berkait dengan aspek kesihatan.

“Umum mengetahui, kesemua peniaga bazar dikehendaki memiliki suntikan tifoid namun tidak sama sekali dengan pekerja warga asing di mana ada segelintirnya berkemungkinan tidak mengambil suntikan tersebut dan kita pun tidak tahu tahap kesihatan serta kebersihan mereka bagaimana,” katanya.

Halim yang sudah memasuki tahun keenam berniaga di Bazar Ramadan Wangsa Maju berkata dia sama sekali tidak gemar menggajikan atau melantik pekerja dalam kalangan warga asing.

“Saya berharap tindakan penguatkuasaan, penangkapan dan notis kompaun terhadap pemilik yang melantik pekerja warga asing ini akan

diperluaskan bagi memastikan operasi niaga dapat berjalan mengikut kelulusan yang ditetapkan,” ujarinya.

Dalam masa yang sama, dia turut memuji tindakan pihak penguat kuasa termasuk para penganjur atau urus setia yang sentiasa memantau dan menitikberatkan aspek tersebut dalam kalangan peniaga bazar.

Sementara itu, peniaga Roti John Labu Labi, Mohd Hafiz juga berpuas hati dengan tindakan DBKL dalam mengendalikn kegiatan peniaga rambo khususnya di sekitar ibu kota.

“Pada pandangan saya, tindakan peniaga rambo memacakkan khemah di bahu-bahu jalan raya amat tidak adil untuk peniaga yang ada lesen sah sebab kita sanggup

keluarkan ratusan ringgit untuk bayar tapak walhal mereka tidak.

“Tindakan mereka itu juga turut menimbulkan masalah parkir, misalnya di bazar sudah hadkan 100 hingga 200 peniaga sahaja, kalau diorang pacakkan juga khemah akan menyusahkan pengunjung,” katanya yang sudah 18 tahun berniaga di Bazar Ramadan Wangsa Maju.

Setakat ini, DBKL melalui Jabatan Penguatkuasaan telah melaksanakan Tindakan Khas Bazar Warga Asing di sekitar Jalan 2/3A Pusat Bandar Utara pada 18 Mac lalu serta pemantauan terhadap aktiviti peniaga Bazar Ramadan Parlimen Seputeh sekitar Jalan Radin, Jalan Desa Jaya dan Jalan Impian Indah pada 15 Mac. 



PEMANTAUAN operasi niaga melibatkan pengendali makanan terus menjadi tumpuan pihak penguat kuasa DBKL.



SEBANYAK 115 sampel makanan di Bazar Ramadan Tasik Permaisuri diambil bagi tujuan pengukuran tahap kebersihan makanan.

Titik berat aspek kebersihan makanan di bazar

PEMANTAUAN tahap kebersihan serta kesihatan pengendali makanan atau penjual di bazar Ramadan sekitar Kuala Lumpur terus dipergiatkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menerusi Bahagian Kesihatan Persekitaran, Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar (JKAS) DBKL.

Rata-rata pengunjung berpuas hati dengan tindakan DBKL melaksanakan pemantauan kesihatan itu dan melihat ia sebagai salah satu langkah pencegahan daripada berlakunya pencemaran makanan.

Salah seorang pengunjung, Azieda Aziz berkata peniaga seharusnya memupuk rasa tanggungjawab dengan mementingkan aspek kesihatan dan tahap kebersihan di tapak-tapak bazar Ramadan pada setiap masa.

“Peniaga perlu tekankan konsep kesihatan dan kebersihan, kalau boleh jangan gunakan makanan itu berulang kali kerana khuatir ia boleh memudaratkan atau menyebabkan seseorang itu

dijangkiti keracunan makanan,” katanya.

Sebelum ini, JKAS DBKL yang diketuai oleh Timbalan Pengarah Kanan JKAS DBKL, Dr Nor Halizam Ismail bersama 13 orang petugas telah melakukan pemantauan kesihatan kepada peniaga bazar Ramadan di Bazar Tasik Permaisuri, Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur.

Hasil pemeriksaan itu, pihaknya telah mengambil sebanyak 115 sampel makanan dan dihantar ke Pusat Analisis dan Sekuriti Makanan untuk memeriksa mikrobiologi seperti kuman salmonella tyhi, E-Choli dan Coliform yang merupakan indeks pengukuran kebersihan makanan yang dijual.

Dalam masa yang sama, pemeriksaan tersebut turut mendapati kebanyakan peniaga bazar mempunyai suntikan tifoid, menjaga kebersihan tapak bazar, tidak menggunakan polisterin dan tidak terdapat pembantu warga asing. 

Kempen normalisasi hina raja



ZULKIFLI SULONG

EKORAN isu KK Mart yang menjual stoking kalimah Allah, kempen menghina Raja-Raja Melayu yang tidak bersama dengan pandangan politik pihak-pihak tertentu semakin rancak berjalan.

Beberapa hari lepas, satu mesej yang mempunyai perkataan, ayat dan maksud yang sama tular di media sosial. Ia disalin dan dikongsi oleh banyak laman-laman akaun media sosial yang dimiliki oleh para penyokong dan penggerak pembangkang.

Di bawahnya pula penuh dengan kata-kata nista termasuk yang menghina Raja-Raja Melayu tertentu khususnya yang dilihat tidak bersependapat dengan mereka.

Jika mesej ini hanya satu dan dibuat oleh orang berasingan secara tidak terancang, ia tidak mengusarkan. Sebagaimana perbuatan jelayah yang dibuat oleh individu tertentu tanpa perancangan atau penyusunan.

Namun, jika ia berlaku secara yang sistematik, ia sudah menjadi jenayah terancang yang sudah tentu sepatutnya mendapat perhatian pihak berkuasa kerana ia sangat bahaya.

Begitulah juga dengan mesej dan komen sama yang bertebaran di pelbagai akaun media sosial sekarang. Dengan itu, bolehlah dikatakan, kempen ini sudah menjadi kempen terancang yang dibuat oleh golongan tertentu dengan maksud tertentu.

Ia seolah-olah untuk memaksa atau menekan pihak-pihak tertentu agar menurut kehendak mereka.

Apabila Sultan Johor, Sultan Ibrahim menaiki takhta sebagai Yang di-Pertuan Agong, mesej pertama yang diberikan oleh baginda adalah mahu negara yang stabil dan tidak akan membuka pintu istana kepada mana-mana pihak yang cuba menggugat kestabilan negara.

"Saya ingin tegaskan di sini, saya tidak akan melayan sebarang permintaan yang cuba menggugat kestabilan politik negara.

"Semua pihak mestilah menerima kenyataan dan menghormati Kerajaan Perpaduan yang telah dibentuk.

"Jika ada yang hendak bermain politik, tunggulah pilihan raya akan datang,"

titah baginda pada istiadat pembukaan penggal ketiga sidang Dewan Rakyat.

Ini adalah titah baginda yang pertama kepada awam selepas mengangkat sumpah sebagai Yang di-Pertuan Agong.

Ini kerana, baginda seolah-olah memaklumkan bahawa baginda 'menutup pintu istana serapat-rapatnya' daripada menerima sebarang pertemuan untuk menggugat kerajaan yang ada.

Ekoran titah ini, pelbagai pihak telah membuat analisis bahawa, Kerajaan Madani pimpinan Datuk Seri Anwar Ibrahim ini akan kekal sekurang-kurangnya sehingga habis penggal ini.

Pillar pertama dari tiga pilar utama yang perlu dibuat oleh kerajaan ini telah berjaya dipasak dengan kukuh iaitu kestabilan kerajaan.

(Dua pilar lagi adalah membangunkan ekonomi negara dan yang ketiga menjaga hati majoriti rakyatnya iaitu orang Melayu dan Islam.)

Sejak itu, pembangkang sebenarnya sudah mati kutu. Mereka tidak akan ada peluang mengubah Kerajaan MADANI ini jika pihak istana tidak bersama-sama dengan mereka dalam usaha itu.

Marilah langkah Dubai ke atau Langkah Sheraton II ke, tanpa kerjasama istana, usaha ini sukar untuk berjaya.

Hanya satu usaha yang boleh dibuat sebelum memujuk ahli-ahli Parlimen bersama mereka menumbangkan kerajaan yang ada iaitu ubah sikap dan pendirian Yang di-Pertuan Agong dan Raja-Raja Melayu.

Sejak itulah, satu persatu kempen memperlcehkan Raja-raja Melayu berlangsung. Antara kempennya adalah 'Nabi suruh ikut ulama, bukannya raja' dan yang terkini 'Bila jadi isu KK Mart ni baru aku sedar kat Malaysia ni hina raja/Sultan lebih sensitif di mata pemimpin berbanding hina Allah dan Islam ye.'

Ekoran kempen sebelum ini khususnya kenyataan Presiden PAS, Tan Sri Abdul Hadi Awang, Sultan Selangor selaku Pengerusi Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Islam (MKI) telah bangkit. Baginda telah menghantar surat panjang (5 muka surat) kepada Hadi melalui Pesuruhjaya PAS Selangor.

Selepas itu, tidak semena-mena baginda telah memaklumkan tidak akan lagi menyambung jawatannya sebagai Pengerusi MKI. Menurut sumber yang rapat

dengan Sultan Selangor, baginda kecil hati dengan apa yang dilakukan oleh pemimpin dan penyokong PAS itu.

Selepas episod itu, kini datang pula kempen isu stoking yang tertulis kalimah Allah. Kerajaan dan juga raja-raja ditekan seolah-olah tidak bertegas dalam isu ini. Padahal, selepas serbuan dibuat ke gudang syarikat ini di Johor, hanya lima pasang stoking yang serupa sahaja ditemui dari ribuan stoking yang ada dalam gudang itu.

Timbalan Menteri Kementerian Dalam Negeri (KDN) di dalam Dewan Rakyat telah menegaskan, polis sedang menyiasat kes ini manakala pelbagai agensi kerajaan telah membuat kenyataan mengutuk rangkaian kedai serbanika ini termasuk pemimpin politik dalam kerajaan yang ada sekarang.

Bagi pemimpin bukan Islam, mereka tidak nampak isu ini disengajakan kerana ia berlaku tanpa niat ketika KK Mart sedang berusaha untuk mendaftar syarikat mereka di Bursa Saham. Ia adalah sabotaj kepada syarikat ini. Oleh itu, bagi mereka, kempen memboikot KK Mart tidak wajar.

Sehingga kini, sudah dua kali KK Mart membuat permohonan maaf secara terbuka mengenainya termasuk daripada pengerusi dan pengurusan kanan syarikat ini. Mereka juga telah berkata, akan mengkaji tindakan mahkamah terhadap pembekal stoking ini dari China.

Namun isu ini terlalu bersifat emotif. Ia telah ditunggang sepenuhnya untuk digunakan bagi mencapai kehendak mereka. Maka lahirkan kempen 'Bila jadi isu KK Mart ni baru aku sedar kat Malaysia ni hina raja/Sultan lebih sensitif di mata pemimpin berbanding hina Allah dan Islam ye.'

Apa tujuannya mengaitkan raja-raja/sultan dengan isu KK Mart ini sehingga Sultan Ibrahim dan anaknya Tengku Mahkota Johor (TMJ) menyatakan perasaan murka mereka mengenai isu KK Mart ini.

Bagi saya ia adalah kempen terancang menormalisasikan penekanan dan penghinaan kepada Raja-Raja Melayu agar baginda tunduk kepada kehendak mereka.

Itu pandangan saya.

Tulisan ini hanya sekadar pandangan penulis tidak lebih daripada itu.



Peniaga tidak amanah

SUDAH diberi peringatan dan amaran agar mengusahakan sendiri bazar Ramadan menurut nama yang terpapar dalam lesen. Tetapi tetap degil. Akibat itu, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bertindak tegas menyerbu bazar Ramadan dan bertindak terhadap mereka yang menggaji pekerja asing.

Dalam operasi pemantauan yang bertumpu di beberapa kawasan di Seputeh, melibatkan Jalan Radin, Jalan Desa Jaya, dan Jalan Impian Indah, enam peniaga bazar Ramadan dikompaun.

Kawan-kawan Kedai Kopi tidak faham sikap segelintir peniaga kerana setelah diberi peluang mendapat lesen, tidak mahu berniaga sendiri dengan menggaji pekerja asing. Mahu lesen tetapi malas bekerja dan biarkan orang lain mencari wang bagi pihak mereka.

Malah difahamkan, ada yang menyewakan terus lesen kepada orang lain untuk memperoleh untung segera sedangkan sedar perbuatan itu menyalahi undang-undang. Memang ramai sedia membayar lesen 'ali baba' kerana pulangan berniaga yang diperoleh sangat menguntungkan.

Di kawasan strategik, misalnya di bazar popular Jalan Tuanku Abdul Rahman (JTAR), ada yang sanggup membayar sehingga RM10,000

untuk menyewa lesen. Jika sampai berani membayar begini banyak, unjuran keuntungan tentu berlipat ganda.

Kerana itu bukanlah lebih baik pemilik lesen mengusahakan sendiri bazar dan mengutip keuntungan untuk diri sendiri. Namun sayang, segelintir mereka lebih berminat mendapat wang segera. Jika bersabar berniaga sehingga berakhir Ramadan, untung yang diperoleh berganda banyaknya.

Menyewakan lesen kepada orang lain adalah perbuatan tidak amanah dan menganiaya pemohon lain yang benar-benar mahu berniaga. Ini kerana mereka yang gagal memperoleh lesen terlepas peluang. Yang memperoleh pula tidak minat berniaga dan memberi kepada orang lain.

Kawan-kawan Kedai Kopi percaya DBKL memang memberi perhatian serius mengenai perkara ini. Senang hati apabila DBKL bertegas akan terus menjalankan pemantauan serta dan pemeriksaan di 11 kawasan parlimen Wilayah Persekutuan bagi menangani isu ini.

Memang wajar tindakan tegas diambil terhadap peniaga tidak jujur. Semoga tindakan tersebut akan menjadi pengajaran kepada peniaga lain masa kini dan akan datang

Terkena tipu tidak serik

SIAPA yang tidak ingin hidup mewah, mempunyai pekerjaan baik dan pendapatan lumayan. Hasrat hati inilah yang mendorong ramai rakyat negara ini ingin mencuba nasib mencari penghidupan di perantaraan.

Mereka mudah tertarik apabila ditawarkan pekerjaan dengan janji memperoleh imbuhan tinggi. Walaupun tidak pasti kesahihan pekerjaan dan gaji ditawarkan, mereka sedia mengambil risiko. Mereka hanya terfikir mengenai kesenangan hidup.

Memang ada di antara mereka memperoleh pekerjaan dan pendapatan lebih baik dibandingkan di negara ini. Tentunya ia menyeronokkan kerana langkah merantau membuahkan hasil yang diinginkan demi memperbaiki kehidupan sendiri dan keluarga.

Tetapi malangnya, ramai pula yang tidak mendapat apa yang diharap. Kawan-kawan Kedai Kopi sudah banyak membaca laporan bagaimana rakyat negara ini tertipu dengan sindiket pekerjaan luar negara yang menabur pelbagai janji manis tetapi tidak dikota.

Lain dijanji, lain diperoleh. Jawatan dan gaji ditawarkan lain, yang diperoleh berlainan daripada jangkaan. Akhirnya bukan kesenangan diperoleh, tetapi kesengsaraan kepada diri sendiri,

keluarga, malah kepada pihak kerajaan yang terpaksa berusaha membawa mereka pulang.

Yang lebih menghairankan kawan-kawan Kedai Kopi ialah ada di antara mereka pernah tertipu dengan pujuk rayu sindiket tetapi tidak serik. Sudah kena kali pertama tidak beringat, malah sekali lagi masuk perangkap untuk kali kedua.

Kata peribahasa, sekali jalan kena, dua kali jalan tahu. Ertinya jika tertipu atau terpedaya pada kali pertama selepas itu akan beringat agar tidak terkena untuk kali kedua. Pendek kata jangan sampai pisang berbuah dua kali.

Namun ada yang tidak beringat, atau memang sengaja tidak mahu ingat. Maknanya pengalaman pahit yang dilalui tidak dijadikan iktibar agar jangan sampai mengulangi kesilapan sama. Jelas tidak serik, tidak belajar daripada kesilapan.

Menurut Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman, Datuk Seri Ramli Mohamed Yoosuf, terdapat sekurang-kurangnya 16 kes di mana rakyat Malaysia yang terpedaya lebih daripada sekali. Mereka antaranya tersadai di Dubai, Thailand, Kemboja, Myanmar, Filipina, malah sehingga ke Peru di Amerika Selatan.

Semua kerana gelap mata dengan tawaran pekerjaan serta pendapatan lumayan.

Hilangnya tradisi kad raya



KU SEMAN KU HUSSAIN

PADA era sebelum rempuhan digital secara besar-besaran dengan telefon pintar, kad ucapan Hari Raya membangkitkan suasana kemeriahan pada hari-hari dalam Ramadan menjelang Aidilfitri. Kad menjadi seolah-olah satu amalan sampingan dalam menyambut hari raya.

Disebabkan itu, pihak Pos Malaysia terpaksa memproses berjuta-juta kad yang terkumpul dalam masa singkat. Kemuncaknya pada dua minggu awal Ramadan dan itu sudah menjadi acara tahunan – setiap kali Ramadan.

Posmen pula menjadi orang yang sentiasa ditunggu-tunggu, dengan harapan ada orang jauh yang masih ingat kepada kita dan melayangkan kad Hari Raya. Rasa gembira tidak tergambarkan apabila bersusun kad diterima ketika sibuk membuat persiapan raya – membakar kuih atau menggantung langsir baharu.

Tidak dapat dipastikan detik mula amalan menghantar kad Hari Raya dalam kalangan masyarakat di negara ini. Seingatnya saya sejak 1970-an, amalan itu sudah bertapak kukuh terutama dalam kalangan generasi muda.

Dengan mendadak juga muncul gerai menjual kad Hari Raya dan pembeli memilih kad seperti memilih kuih yang didatangkan dalam berbagai-bagai corak dan kualiti kertasnya. Malah ada yang mempunyai bunyi muzik ketika kad dibuka.

Di Kuala Lumpur lokasi paling banyak gerai menjual kad hari raya adalah di kawasan tumpuan orang Melayu seperti sekitar pasar Chow



hampir sama dengan amalan berbusana tradisi pada hari mulia itu.

Saya juga antara yang banyak menghantar kad Hari Raya kepada rakan serta taulan dan sanak saudara. Bagaimanapun menerima kad pula dalam jumlah yang berganda, biasanya pada tahun-tahun 1980-an dan 1990-an hingga melangkah tahun 2000.

Datangnya daripada sahabat handai dan sanak saudara di kampung, termasuk juga dalam kalangan pembaca tulisan saya di Utusan Malaysia. Ternyata tidak semua kad itu dapat dibalas. Bagaimanapun ingatan yang bawa bersama kad itu sangat besar penghormatannya.

Pada tahun-tahun 1980-an hingga 2000, Pos Malaysia terpaksa memproses sekitar 14 juta keping kad untuk dihantar dan memastikan semua, kalau tidak pun 90 peratus sampai sebelum Hari Raya Aidilfitri. Itu satu jumlah yang besar dan tidak mampu dilakukan dengan bilangan pekerja yang biasa.

Maka Pos Malaysia terpaksa mengambil sekitar 500 pekerja sambilan di pusat-pusat pemrosesan di seluruh negara. Pekerja sambilan itu dikhusus untuk memproses kad Hari Raya dan Pos Malaysia juga menyediakan peti surat khas pada setiap kali menjelang Hari Raya.

Ketika itu lebih kurang RM2.8 juta dibelanjakan oleh orang ramai untuk membeli setem berharga 20 sen bagi setiap kad yang dihantar. Bayangkan pula belanja yang dihabiskan untuk membeli 14 juta

kad yang secara puratanya RM2 sekeping. Maknanya setiap kali Hari Raya Aidilfitri paling kurang RM28 juta dibelanjakan untuk membeli kad.

Bagaimanapun Hari Raya juga sebuah pesta budaya orang Melayu dan masyarakat jarang berfikir tentang pembaziran apabila membuat persiapan menyambut Aidilfitri. Begitu juga peruntukan untuk membeli pakaian baharu, kuih-muih tradisi dan moden – banyak yang sanggup berbelanja memeriahkan pesta budaya itu.

TIDAK SUSUT DIUJI ZAMAN

HARI Raya secara semula jadi diterima sebagai sebahagian acara budaya yang sekali gus mengangkat nilai-nilai tradisi seperti bergotong-royong serta menyediakan juadah serta busana tradisi yang diakhiri dengan kunjung-mengunjung antara satu dengan lain.

Kad Hari Raya dalam konteks masyarakat Melayu sama pentingnya dengan baju Melayu, baju kurung, baulu, ketupat, meriam buluh dan mercun malah lagu Selamat Hari Raya nyanyian Saloma. Inilah antara keperluan yang melangsungkan suasana berhari raya sejak lama dulu.

Bagi sesetengah orang, sepatah dua kata-kata yang ditulis sendiri oleh pengirim memberikan kesan psikologi yang berkekalan. Pesanan dan gurauan pendek sememangnya mencetuskan keakraban biarpun

terpisah jauh di antara benua.

Menghantar kad Hari Raya secara tradisional lebih memberikan kepuasan kepada pengirim dan juga penerima. Saat membuka sampul kad Hari Raya memberikan kesan yang sangat sentimental kepada penerima. Ada yang menyimpan semua kad yang diterima sebagai satu kenangan terindah yang tidak pernah padam.

Pada Ramadan 1984 saya hanya membeli beberapa keping kad sahaja – kepada keluarga dan beberapa kawan di kampung. Pada tahun pertama di Kuala Lumpur itu saya belum mempunyai banyak kawan baharu.

Sekeping daripada kad itu dihantar kepada seorang kawan baik semasa di sekolah rendah, kami berpisah selepas masing-masing menamatkan darjah enam, saya masuk tingkatan satu tetapi dia terus berhenti sekolah untuk bekerja membantu keluarganya.

10 tahun selepas saya hantar kad hari raya itu kami bertemu di masjid ketika sembahyang raya. Di masjid itu tempat kami main kejar-kejar ketika orang bertarawih. Sekalipun lebih 20 tahun tidak berjumpa, saya masih ingat wajahnya. Bekerja berat menggunakan kudrat di kampung menjadikan dia kelihatan lebih tua daripada usianya.

Dia mempelawa saya ke rumahnya. Masuk sahaja ke rumah yang dikelilingi sawah, saya terpancang kad yang saya kirim 10 tahun lalu terlekat di dinding. Keadaannya agak kusam dan pudar kerana kesan cuaca.

Saya menghampiri kad itu memerhati lama-lama dengan rasa yang sukar digambarkan bersama pilu yang tertahan-tahan. Melihat saya lama memerhati kad itu, dia datang dari belakang.

Katanya, "Itulah satu-satunya kad hari raya yang aku terima. Terima kasih Man hang tak lupa kat aku." Saya hilang kata-kata, matanya berkaca seperti ada kata yang tidak terkata.

Sebenarnya saya pun sudah tidak ingat lagi pada kad itu. Cuma teringat kembali setelah melihat kad itu di dinding rumahnya dan saya menyelak helaian dalamnya. Ada tulisan tangan saya, "Mud, Selamat Hari Raya. Maaf Zahir batin – daripada Man Pak Ku Sin." Saya sebak meraikan pertemuan yang tidak dirancang itu.

Ingatan tulus dan ikhlas daripada orang yang sebenarnya saya hampir lupa kepadanya. Sekalipun nilai kad itu tidak seberapa, tetapi kepada yang menerima, itu satu penghargaan yang cukup besar. Nilainya tidak pernah susut diuji zaman.

Kini kad Hari Raya sudah lama tiada. Banyak dalam kalangan kawan-kawan menghantar kad digital pada malam raya. Terima kasih banyak-banyak atas ingatan itu. Setiap ingatan itu pasti dibalas dengan ingatan yang berganda.

RAGAM KOTA

SESI BUAL SANTAI TV WILAYAHKU

F#minor

PROF... KALAU SEMUA WARGA LEMBAH KELANG PULANG BERHARI RAYA DI KAMPUNG HALAMAN MASING-MASING, APA AKAN JADI PADA K.L.? APA NAK JADI YA...

JADI SYURGA LA... PADA WARGA MYANMAR, BANGLADESH, NEPAL, VIETNAM, CHINA, INDIA, PAKISTAN, KOREA, AFRIKA, TIMUR TENGAH... BLA... BLAA... YAK YAK YEY... MERIAH...

CIK ROHINGYA BELUM MASUK TU... HIIHIE

Sebarang maklumat berhubung **Editorial Wilayahku**, sila hubungi alamat tertera: **Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya.**
Te: 03-8861 5260 | E-mail: editorialwilayahku@gmail.com



Bil 255 . 22-28 MAC 2024



Gastrik bukan **ALASAN**

►► 10-11

Normalisasi penyakit untuk culas puasa

SABRINA SABRE & DIANA AMIR

RAMADAN adalah bulan di mana umat Islam diwajibkan menunaikan rukun Islam ketiga iaitu menjalani ibadah puasa. Namun terdapat juga golongan yang tidak diwajibkan berpuasa kerana sebab-sebab tertentu.

Biarpun begitu, kita sering kali juga mendengar penghidap gastrik tidak boleh berpuasa sehinggalah mitos ini dinormalisasikan semata-mata untuk culas menunaikan kewajipan yang satu itu.

Menurut Pengamal Perubatan di Klinik Kesihatan Seremban, **Dr Amalina Ahmad Azmy**, masalah gastrik yang dialami sesetengah individu seharusnya tidak dijadikan alasan untuk tidak berpuasa kerana pesakit sepatutnya membuat persiapan agar dapat menjalani puasa dengan lancar.

“Tanggapan bahawa asid gastrik meningkat ketika perut kosong adalah tidak benar. Sepanjang berpuasa rembesan asid gastrik berkurangan lantaran sistem penghadaman sedang berehat.

“Sebaliknya, gejala gastritis lebih disebabkan tabiat pemakanan tidak teratur terutamanya semasa berbuka puasa. Jadi, penghidap gastrik sebenarnya masih boleh berpuasa dengan menitikberatkan penjagaan pemakanan.

“Individu itu perlu mengelakkan pengambilan makanan yang mendatangkan kerengsaan pada perut seperti makanan pedas, berempah, berminyak, makanan dalam tin serta yang mempunyai asid tinggi seperti limau, oren dan tomato.

“Dari segi minuman pula, kurangkan atau elakkan minuman yang mengandungi kafein, bergas dan beralkohol selain dinasihatkan untuk minum air kosong sekurang-kurangnya dua liter sepanjang malam pada Ramadan. Dua gelas susu atau jus buah-buahan yang tidak berasid juga digalakkan,” ujarnya.

Tambahnya ketika berbuka puasa, elakkan mengambil makanan yang berkalori tinggi dengan kuantiti yang banyak kerana gastrik boleh menyerang disebabkan cara pemakanan yang tidak teratur.

“Ambil makanan mudah hadam dan dapat memberikan tenaga segera seperti kurma kerana ia dapat merangsang rembesan asid gastrik dan menjadikan perut lebih bersedia untuk pengambilan makanan seterusnya.

“Sebagai contoh, berbuka dengan buah kurma dan segelas air lalu terus solat Maghrib. Kemudian makan nasi separuh pinggan, ikan yang dikukus, sayuran dan buah-buahan. Selesai Tarawih, makan buah-buahan, biskut oat atau roti,” ujarnya.

Bagi meredakan gejala gastrik, beliau menasihati pesakit segera berbuka dan melewati waktu sahur selain jangan mengamalkan bersahur sebelum masuk tidur pada malam hari.

“Selepas bersahur, elakkan



daripada terus tidur kerana ia mungkin akan menyebabkan seseorang itu mengalami pedih ulu hati. Pesakit yang merokok dinasihatkan untuk berhenti kerana asap boleh memberi kesan kepada lapisan pelindung dalam perut,” ujarnya.

Mengulas lanjut, Amalina menyarankan pesakit gastrik untuk membiasakan diri berpuasa sebelum Ramadan untuk menyesuaikan diri dengan keadaan enzim perut supaya perut tidak terkejut.

“Mungkin hari ini separuh hari, esok lusa boleh dilanjutkan lagi mengikut ketahanan perut. Amalan berpuasa perlu dididik sejak kecil untuk dibiasakan dengan fisiologi tubuh dengan keadaan tiada makanan dalam tempoh tertentu,” katanya.

AMALAN TIDAK SIHAT

SETIAP kali diserang gastrik kebanyakan pesakit akan mengambil ubat tahan sakit namun amalan ini sebenarnya tidak sihat kerana ia boleh memburukkan lagi keadaan.

“Bahan yang terkandung dalam ubat tersebut boleh mengurangkan penghasilan prostaglandin iaitu sejenis hormon yang bertindak melindungi lapisan perut daripada hakisan asid gastrik dalam perut.

“Kekurangan hormon ini menyebabkan permukaan dalam perut menjadi mudah terhakis oleh asid gastrik. Malah ubat antiradang bukan steroid (NSAIDs), aspirin dan ubat tradisional yang mempunyai kandungan steroid yang tinggi jika diambil secara berterusan boleh menyebabkan masalah gastrik.

berhenti daripada makan ubat-ubat berkenaan melainkan dimaklumkan oleh doktor atau pegawai farmasi.

“Jadual pengambilan ubat boleh diubah suai mengikut kesesuaian regimen ubat pesakit oleh doktor atau pegawai farmasi sekali gus membantu pesakit mengelak daripada masalah gastrik.

“Ambil ubat-ubatan seperti yang diarahkan doktor dan ahli farmasi. Sebagai contoh pesakit dinasihatkan untuk mengambil ubat sewaktu sahur (bagi dos sekali sehari), sewaktu berbuka dan sahur (bagi dos dua kali sehari), sewaktu berbuka, sahur dan selepas tarawih (bagi dos tiga kali sehari),” ujarnya.

Dalam pada itu, beliau juga menasihati pesakit untuk sentiasa peka dan tidak mengabaikan tanda-tanda awal gastrik atau sekadar merawat gejalanya dengan makan ubat saja.

“Ini kerana dikhuatiri punca sebenar kepada gejala gastrik atau sakit perut gagal diatasi. Contohnya seperti jangkitan *Helicobacter pylori* yang tidak dirawat dan akan menjadi bertambah serius sehingga terjadinya ulser dalam perut,” ujarnya.

“Ada juga beberapa ubat tahan sakit dan ubat cair darah yang boleh menyebabkan pengurangan penghasilan mukus dan bikarbonat dalam perut, mengakibatkan perut tidak dapat dilindungi daripada penghadaman secara automatik,” ujarnya.

Bagaimanapun, Amalina berkata pesakit yang mengambil ubat-ubatan ini untuk rawatan kesihatan dinasihatkan jangan



PESAKIT gastrik perlu mengelakkan makanan yang berminyak dan pedas.

Hanya perlu bayar fidyah sahaja

BAGI penghidap gastrik, sekiranya sewaktu berpuasa kesakitan bertambah teruk dan perlu mengambil ubat secepat mungkin, pesakit dinasihatkan untuk berbuka agar penyakitnya tidak kritikal.

Walaupun bagaimanapun, terdapat syarat yang ditetapkan iaitu individu tersebut perlu menggantikan (qada) puasa yang ditinggalkan.

Menurut pendakwah bebas, **Muhammad Hazim Haznan**, individu yang perlu membayar fidyah sahaja tanpa wajib mengqada puasa adalah bagi mereka yang tidak mampu menunaikan ibadah tersebut.

“Mereka terdiri daripada orang tua yang terlalu uzur dan lanjut usia, orang yang sakit dan tidak kelihatan akan segera sembuh atau tidak sembuh atau tidak ada harapan sembuh serta perempuan mengandung dan menyusukan anak kerana risau akan keselamatan anak dalam kandungan atau bayi yang disusukan.

“Bagaimanapun, untuk orang yang mengalami gastrik, individu seperti ini perlu berjumpa doktor untuk memastikan sama ada tahap gastrik yang dialami itu tidak membolehkannya berpuasa.

“Apabila pihak berwajib mengesahkan dia boleh puasa atau tidak dan sekiranya ia di tahap kronik maka individu tersebut tidak diwajibkan untuk ganti puasa.



MUHAMMAD HAZIM

“Namun untuk pesakit gastrik biasa wajib menggantikan semula puasa yang ditinggalkan,” ujarnya.

Mengulas lanjut, Muhammad Hazim berkata setiap umat Islam perlu meraikan bulan Ramadan ini sebaiknya.

“Bulan Ramadan ini khusus Allah nak bagi hadiah buat umat Islam di mana hanya diberikan kepada umat Nabi Muhammad dan tidak diberikan kepada umat lain.

“Maka amatlah malang dan rugi buat mereka yang tidak mengambil peluang untuk memanfaatkan bulan ini dengan sebaiknya.

“Satu bulan ini segala pintu neraka ditutup dan pintu syurga dibuka seluasnya, sekiranya dosa kita masih tidak diampunkan oleh Allah maka rugilah kita.

“Semua umat Islam harus memanfaatkan bulan ini dengan menggandakan segala amal ibadah dan sedekah,” ujarnya.

Berkongsi tentang manfaat puasa, beliau berkata sebenarnya ia memberi banyak manfaat dari sudut kesihatan antaranya bertujuan merehat dan memulihkan sistem pencernaan.

“Dalam forum baru-baru ini yang diadakan di KPJ Ampang, pakar menyatakan dengan berpuasa dapat menurunkan kolesterol, tekanan darah dan juga berat badan.

“Pola makan kita berubah kerana perlu berpuasa untuk 13 jam sehari selama sebulan. Jadi, individu-individu yang mempunyai masalah gastrik dinasihatkan untuk membuat persiapan dan perubahan bersesuaian untuk menjalani bulan Ramadan dengan lancar,” katanya. 

Derita hingga turun berat badan

PELBAGAI kesakitan dirasakan dan ditanggung oleh penghidap gastrik sehinggakan apabila ia datang menyerang ketika bulan Ramadan mampu menjejaskan ibadah puasa penghidapnya.

Berkongsi pengalaman sebagai pesakit gastritis atau gastrik, **Raja Muhammad Faisal**, 26, berkata hanya yang pernah mengalaminya tahu bagaimana deritanya setiap kali ia menyerang.

“Semua perkara serba tak kena, pedih hulu hati, kembung perut, rasa seperti tercekik selain masam atau pahit di tekak. Saya juga turut mengalami batuk berpanjangan dan sakit tekak yang tidak pulih walaupun sudah mengambil pelbagai jenis ubat batuk serta antibiotik,” ujarnya.

Bercerita tentang permulaan



RAJA

dihinggapi penyakit gastrik kronik, Raja berkata ia bermula ketika bulan puasa sewaktu dia berada di tingkatan lima.

“Tetiba rasa senak dan saya perlukan ubat untuk mengatasi rasa sakit tersebut. Saya cuba untuk bertahan namun hanya terbaring serta tidak mampu melakukan

sebarang aktiviti kerana lemah satu badan.

“Selain itu, saya juga mengalami penurunan berat badan sebanyak empat kilogram. Apabila terkena gastrik, saya hanya terbaring kerana akan rasa pening, loya dan kalau sampai tahap teruk, akan mengalami rasa sedu,” katanya.

Raja berkata pada permulaannya dia dia kerap mengalami sakit perut di bahagian ulu hati sehingga

belah bawah perut.

Enggan berterusan menderita dan merindui hidup normal seperti sebelumnya, dia tekad menjaga pemakanan dengan mengelak mengambil makanan pedas, bergas juga berminyak.

“Saya juga turut mengambil ubat secara teratur seperti yang dinasihatkan doktor sehingga pada akhirnya, saya berjaya bebas daripada gastrik,” tambahnya. 





Imarah kemanisan Tarawih

SHUAIB AYOB

KETIBAAN bulan Ramadan 1445 Hijrah dirasai apabila umat Islam menunaikan solat Tarawih yang merupakan salah satu amalan istimewa yang terdapat dalam bulan Ramadan.

Banyak kelebihan yang boleh dikejar oleh seluruh umat Islam pada bulan penuh keberkatan ini. Kita dituntut melaksanakan solat sunat Tarawih yang tidak ada dalam bulan-bulan yang lain secara berjemaah atau bersendirian.

Tinjauan *Wilayahku* di Masjid Putra, Putrajaya dan Masjid Al-Najihin, Bandar Sri Permaisuri, Kuala Lumpur menyaksikan umat Islam mengimarahkan masjid dengan menunaikan solat Tarawih. 



PICC pertaruh juadah kesukaan PM

DIANA AMIR

Foto: SYUQREE DAIN
Video: HASIF HALIMI

BERTEMAKAN Cita Rasa Klasik, lebih 250 menu juadah klasik warisan Melayu disediakan setiap hari bertempat di Foyer Aras Concourse, Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).

Menurut Cef Eksekutif PICC, **Mohd Tarmizi Abd Manas**, kelainan yang ditawarkan pada Ramadan kali ini adalah Nasi Daging Utaqa yang merupakan salah satu juadah kegemaran Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Kita pernah masak untuk beliau dalam satu acara pada tahun lalu, meskipun ia hanya nasi dan daging namun rasanya yang padu dan kick membuatkan beliau menyukainya.

"Selain itu, antara juadah lain di

PICC ialah rendang tok, rendang ayam, rendang pedas itik dan rendang kambing serai yang turut dihidangkan bersama pulut kukus," ujar beliau yang berpengalaman selama 15 tahun dalam dunia masakan.

Mohd Tarmizi berkata terdapat 15 gerai yang menawarkan menu kesukaan ramai antaranya roti john, mihun sup utara, kambing golek, sate, ais kacang dan cendol, dan Indian puri.

"Cita Rasa Klasik PICC juga turut menawarkan menu dan stesen bagi kanak-kanak dengan pilihan masakan pasta, nuget ayam dan jejeri ikan.

"Selain itu, PICC juga turut mengundang amil zakat fitrah pada minggu kedua Cita Rasa Klasik," katanya.

Tambahnya, PICC menyasarkan tempahan 20,000 pelanggan secara

keseluruhan sepanjang Ramadan daripada sektor korporat, orang awam dan juga kerajaan.

"Kapasiti penuh ruang terbuka puasa boleh menampung sehingga 800 orang dan kita juga boleh membuka kawasan dewan bagi tempahan berskala besar penambahannya sehingga 1,500 pek.

"Harga yang dikenakan adalah sebanyak RM108 untuk dewasa manakala bagi kanak-kanak dan warga emas pula RM54 seorang," ujarnya. 



PELBAGAI aneka juadah, kuih-muih, pencuci mulut dan air disajikan buat pengunjung.

Sajian Talbinah antara tarikan di PGH

HOTEL Pulse Grande Putrajaya (PGH) menyajikan pelbagai sajian antarabangsa, nusantara dan gabungan juadah dari negara Asia bagi memberi kelainan cita rasa buat pengunjungnya.

Lebih 30 bazar stesen juadah makanan dalam sajian bufet terbuka puasa merangkumi menu seperti bangsal lauk-pauk kawah, makanan Pantai Timur, barbeku panggang, pencuci mulut manis (kuih-muih, buah-buahan, kunafa) dan lain-lain.

Menurut Eksekutif Sous Chef, Hairy Ismail A. Rahman terdapat lebih 200 menu yang disediakan buat pilihan pengunjung dan terdapat beberapa menu yang ditukar setiap hari.

"Keunikan menu bufet Ramadan pada tahun ini adalah sajian Talbinah iaitu sejenis bubur makanan asli dari Pakistan yang dibuat daripada barli dan mempunyai khasiat yang sangat tinggi selain stimbot serta oden stesen ala Korea.

KAMBING golek antara menu wajib.



CEF HAIRY menunjukkan Jajan Mart yang disediakan khas buat pengunjung cilik.

"Menariknya sos-sos tersebut juga kita dapatkan dari Korea dan beberapa resipi telah ditambah baik untuk kali ini baik dari segi persembahan makanan dan rasanya.

"Kita juga menjalinkan kerjasama dengan beberapa pihak dalam

mendapatkan pes original Korea tersebut," ujarnya.

Tambahnya, kebanyakan juadah yang dihidangkan lain daripada yang terdapat di luar selain mempersembahkan menu live cooking buat pelanggan yang menikmati masakan panas seperti sate, kambing golek serta bbq panggang selain seksyen buat kanak-kanak untuk berbelanja di Jajan Mart.



Harga yang ditawarkan RM138 bagi dewasa manakala kanak-kanak adalah RM70 yang mempunyai had umur bermula lima sehingga 12 tahun. Khas buat pemegang kad Maybank pula, mereka boleh mendapatkan sebanyak 30 peratus diskaun. 



ISU

BESAR

Bakal Tiba.....



Produk tempatan perlu lebih kuat bersaing

HAZIRAH HALIM

SEIRING dengan perubahan zaman ke arah dunia pendigitalan, platform e-dagang menerusi pelbagai aplikasi sosial media seperti TikTok, Instagram dan Shopee dilihat sebagai salah satu medium inovatif untuk mempromosikan perniagaan kepada orang ramai secara meluas.

Namun, persaingan dengan peniaga yang menjual barangan dari negara luar terutama China pada harga jauh lebih murah mendorong peniaga tempatan untuk lebih giat menyusun strategi agar dapat bersaing sekali gus menyakinkan pembeli terhadap produk yang dihasilkan.

Mengakui perkara tersebut, Pengusaha Multimegshop, **Muhd Muqhzee Zolkaplie**, 29, berkata dia turut merasai cabaran tersebut dalam memasarkan produk berasaskan seni kaligrafi yang dihasilkan.

"Semasa negara dilanda pandemik COVID-19, kita dapat saksikan orang ramai mula beralih kerjaya sebagai peniaga dan platform TikTok Shop menjadi salah satu aplikasi popular yang

membantu peniaga mempromosi secara terus dengan pelanggan melalui penghasilan video, strim langsung dan pameran produk.

"Kebanyakan produk yang dipasarkan adalah dari negara China di mana kami terpaksa berdepan dengan penawaran harga murah selain kualiti yang dinyatakan.

"Sebagai contoh, bingkai kaligrafi bersaiz A3 atau 60x60 sm yang kami jual biasanya di antara anggaran harga RM100 tetapi produk China hanya berharga puluhan ringgit. Jurang perbezaan harga sangat jauh.

"Ini merupakan salah satu dilema yang dialami ramai peniaga. Kami bersaing dengan harga. Dalam situasi ini yang lebih canggih, saya kira ia perkara yang biasa dan perlu dihadapi dengan sebaiknya dan kenal pasti kelebihan produk sendiri.

"Mungkin mereka boleh menawarkan harga murah tetapi dari segi kualiti dan penghantaran, mereka lewat, jadi itu menjadi salah satu asbab dan faktor buat kami untuk mencuit hati pembeli dapatkan barangan dengan cepat dan mudah.

"Bukan itu sahaja, dalam masa yang sama, saya sentiasa berfikir



MUQHZEEN (kanan) bersama rakan kongsinya, Iskandar menunjukkan produk seni hasil kreativiti mereka.

bahawa perlu hasilkan produk yang lebih terkedepan daripada segi kualiti dan sebagainya bukan hanya meratapi nasib bersaing kerana saya percaya pelanggan hari ini bijak," ujarnya.

Sentiasa positif dalam setiap cabaran yang mendatang, Muqhzee berkata produk tempatan biasanya memberi ruang antara penjual dan pembeli untuk

berhubung secara dekat.

"Saya percaya segelintir pembeli lebih gemar mendapatkan produk tempatan berbanding negara luar kerana lebih mudah untuk berkomunikasi secara terus dengan penjual selain dapat melihat produk serta mengetahui proses penghasilannya," ujarnya yang mengusahakan perniagaan bersama rakan kongsi, Iskandar Zulkarnain

Md Azman.

Mula dikenali pada awal Oktober 2021, perniagaan yang diusahakannya menghasilkan produk bingkai kaligrafi yang diperbuat 100 peratus daripada mesin arkilik dan wainscoting selain turut menghasilkan beberapa rekaan lain.

"Alhamdulillah, sejak kami mempromosikan ketiga-tiga produk itu, kami telah mendapat tempahan lebih 1,000 unit manakala untuk bingkai kaligrafi pula, kami telah mendapat lebih 15,000 tempahan sejak beroperasi pada awal Oktober 2021," katanya.

Menawarkan harga bermula dari RM350 hingga RM900, seni kaligrafi yang dihasilkan Multimegshop mendapat permintaan yang menggalakkan dan dalam masa yang sama, dia turut merancang untuk membawa produknya ke pasaran luar.

"Buat masa ini, kami banyak mendapat permintaan untuk produk rehal Al-Quran, trofi kristal termasuk sejadah ukiran nama yang sering dijadikan sebagai barangan cenderamata atau set hantaran pertunangan atau perkahwinan," ujarnya. 

Menu Rahmah penuhi keperluan penduduk BTR

TAMPIL memperkenalkan hidangan Menu Rahmah serendah RM2 hingga RM7 di sekitar Bandar Tun Razak, inisiatif yang digerakkan oleh Restoran Western Bananalah ternyata membuahkan hasil apabila masyarakat sekitar berpeluang menikmati makanan dan minuman pada harga murah.

Restoran yang diusahakan oleh usahawan muda, Jonathan Vela ini merupakan satu-satunya destinasi makan yang menawarkan harga serendah itu di kawasan Bandar Tun Razak (BTR) dan sekitar.

Restoran yang baru tiga bulan beroperasi itu mendapat kunjungan luar biasa sehinggakan mereka terpaksa meningkatkan kuantiti hidangan di luar bajet harian yang ditetapkan.

Jonathan berkata Menu Rahmah antara hidangan yang mendapat sambutan menggalakkan walhal di restoran juga terdapat pelbagai pilihan menu makanan yang lain.

"Dalam satu hari sehari kami menghasilkan lebih 150 doh roti canai, itu pun kadang-kadang tidak



JONATHAN (empat dari kiri) ketika perasmian Restoran Western Bananalah. Turut hadir Azman (lima dari kiri).

cukup sebab sehingga pukul 5 pagi pun masih ada yang datang untuk makan.

"Disebabkan itu, kita terpaksa buat lebih sebagai persediaan

jika ramai pelanggan datang ke restoran serta dalam masa yang sama bimbang mereka akan kecewa jika sudah habis," ujarnya. Beliau ditemui ketika Majlis

Perasmian Restoran Western Bananalah baru-baru ini. Turut hadir Setiausaha Politik kepada Perdana Menteri, Datuk Azman Abidin.

Bagaimanapun, dia mengakui ia bukanlah satu cabaran besar buatnya memandangkan tujuan utamanya membuka restoran tersebut adalah memberi peluang kepada golongan berpendapatan rendah (B40) khususnya untuk menikmati makanan tersebut.

Antara Menu Rahmah yang terdapat di restoran ialah hidangan set roti canai dan teh tarik (RM2), roti canai dan Nescafe (RM3) selain nasi putih, kari ayam dan air (RM7).

Akuinya cabaran lain yang lebih besar baginya adalah dalam aspek mencipta produk baharu mengikut kesesuaian, keperluan serta keadaan masyarakat masa kini.

"Hendak membuka kedai ini bukanlah mudah, ia perlu ada planning dan try and error, bukan semua tempat tawarkan benda

yang sama dan semua tempat ikut apa kehendak orang ramai.

"Misalnya, di kawasan BTR ini, kebanyakan penduduk dalam kalangan B40, jadi kita perlu memikirkan keadaan mereka yang sentiasa menitikberatkan soal harga dalam segala aspek. Bagi sesetengah orang, RM10 itu jumlah yang agak besar, ada sesetengah orang pula tidak.

"Jadi, cabaran yang kita hadapi adalah untuk memenuhi cita rasa dan bagaimana orang setempat fikir. Tujuan kami adakan konsep sebegini pun untuk membantu dan berikan makanan kepada mereka khususnya pelajar sekolah, golongan asnaf dan miskin bandar. Soal keuntungan sama sekali tidak menjadi keutamaan sebaliknya lebih kepada mahu memenuhi keperluan orang sekitar," katanya.

Dalam masa yang sama, pihaknya juga turut merancang untuk memperluaskan rangkaian Western Bananalah di kawasan lain dengan konsep yang sama. 

t.me/wilayahku


IMBAS KOD QR



SERTAI SALURAN TELEGRAM

WILAYAHKU
UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!




PERDANA Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bersama isteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail meraikan para agamawan, pemimpin pertubuhan bukan kerajaan dan wakil agensi kerajaan berkaitan hal ehwal Islam di Majlis Berbuka Puasa MADANI pada 19 April.



TIMBALAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi menyantuni lebih 2,000 warga Peneroka FELDA dalam Majlis Santunan Kasih Ramadan yang diselenggarakan oleh Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) dan FELDA.



MENTERI Pendidikan, Fadhlina Sidek telah meluangkan masa berbuka puasa, solat tarawih dan bersahur bersama-sama dengan murid, guru serta seluruh warga Sekolah Raja Perempuan Taq'iah, SABK Maahad Al-Ummah dan SMK Raja Permaisuri Bainun.



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa menyantuni 300 orang asnaf di Parlimen Seputeh dalam Program Nur Ramadan pada Isnin lepas.



MENTERI Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir mengisi malam kesembilan Ramadan dengan Program Semarak Ramadan bersama warga Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar bersama rakan-rakan strategik telah menggerakkan Projek Infak Back To School bagi membantu pelajar asnaf di Kuantan, Pahang sempena sesi persekolahan 2024/2025.



MENTERI Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri merasmikan Majlis Penyampaian Subsidi Yuran Pengasuhan Kanak-Kanak TASKA dan Kempen Keselamatan Kanak-Kanak Dalam Kenderaan di Auditorium Borneo Culture Museum, Sarawak, Isnin lalu.

MoU YWP, ABM Wilayah Utara

Sedia ruang pelajar terokai TVET industri pembinaan



MOHD NAZRI (tiga dari kiri) bersama Abdul Rahman (lima dari kanan) selepas selesai menandatangani MoU di Sintok, Kedah.

HAZIRAH HALIM

DALAM usaha membantu kerajaan melahirkan lebih ramai barisan pelapis dalam kalangan belia, Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) menandatangani satu memorandum persefahaman (MoU) dengan Akademi Binaan Malaysia (ABM) Wilayah Utara.

Rangka kerjasama tersebut bagi pelaksanaan program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) khususnya dalam kalangan pelajar di Kuala Lumpur.

Ketua Pegawai Eksekutif ABM Wilayah Utara, **Mohd Nazri Zakaria** berkata antara langkah tersebut adalah usaha untuk menyediakan ruang dan peluang kepada golongan berkenaan mempelajari serta mendapat latihan kemahiran.

“Kerjasama itu melibatkan pembangunan program latihan kemahiran khusus untuk belia di bawah WP dalam bidang industri pembinaan serta penyediaan latihan kemahiran kepada pelajar-pelajar yang berminat dalam TVET Pembinaan.

“YWP selaku Syarikat Berhad Menurut Jaminan di bawah kerajaan

Wilayah Persekutuan juga akan membantu menguar-uarkan program pengajian dan kursus latihan kepada pelajar-pelajar di Wilayah Persekutuan untuk mengikuti latihan dan membina kemahiran kursus di samping meneroka peluang kerjaya dalam bidang tersebut,” katanya.

Menurut Mohd Nazri, YWP juga akan bertindak membantu mencari dana serta menawarkannya kepada mana-mana pelajar di Wilayah Persekutuan untuk menjalani latihan di ABM.

“ABM mempunyai kampus yang lengkap dengan teknologi terkini seperti pendigital TVET pembinaan terletak di setiap wilayah seluruh negara. Latihan dan kemahiran yang disediakan akan membolehkan mereka mendapat dan meningkatkan kemahiran untuk memulakan pekerjaan.

“Pelatih (pelajar) yang berjaya menamatkan latihan dan kursus penilaian akan dianugerahkan Sijil Kompetensi Kemahiran Pembinaan (SKKP) dari Lembaga Pembangunan Industri Malaysia (CIDB) Malaysia yang mengiktiraf mereka sebagai pekerja mahir.

“Justeru itu, melalui kerjasama

ini, YWP selaku pihak yang sering mendekati masyarakat khususnya para pelajar dapat membantu mereka mendapatkan latihan dan meningkatkan kemahiran dalam industri pembinaan,” katanya tempoh latihan di ABM sekurang-kurangnya satu bulan.

Dalam pada itu, Mohd Nazri berkata kedua-dua pihak sedang giat merancang beberapa program dan kursus dalam sektor pembinaan merangkumi 10 bidang program yang ditawarkan ABM antaranya latihan kompetensi struktur bangunan, Operasi Kren dan Jentera, Mekanikal dan Elektrikal, BIM, lukisan pelan seni bina, solar dan banyak lagi.

Terdahulu, pada 10 Mac, beliau menandatangani MoU bersama Pengarah Eksekutif YWP, Abdul Rahman Siraj sambil disaksikan oleh Pengurus Latihan ABM Utara di Sintok, Kedah.

Untuk rekod, ABM Wilayah Utara merupakan sebuah pusat latihan dan penilaian di bawah CIDB iaitu agensi di bawah Kementerian Kerja Raya Malaysia yang menyediakan program latihan dan penilaian kemahiran bertauliah dalam bidang TVET. 



MAZLIHAM (berdiri, tiga dari kanan) bersama para pelajar dan kakitangan MMU meraikan kejayaan AKKPT 2023.

MMU rangkul Anugerah Institusi

DIANA AMIR

UNIVERSITI Multimedia (MMU) dinobatkan sebagai penerima Anugerah Institusi Terbaik pada Majlis Anugerah Keusahawanan Kementerian Pengajian Tinggi (AKKPT) 2023 yang diadakan di Kuala Lumpur pada 8 Mac 2024.

Menurut Presiden MMU, **Profesor Datuk Dr Mazliham Mohd Su'ud**, kejayaan tersebut merupakan satu pencapaian yang sangat bermakna buat MMU kerana ia mengiktiraf usaha berterusan pihaknya dalam memperkasakan ekosistem keusahawanan yang kondusif dalam kalangan warga universiti dan komuniti.

“Pengiktirafan ini membuktikan program dan aktiviti keusahawanan seperti Program Entrepreneur Cadetship atau eCadet yang melibatkan para pelajar dan kakitangan MMU telah diakui berjaya melahirkan komuniti usahawan cemerlang untuk negara,” ujar beliau dalam satu kenyataan media.

Tambahnya, pengiktirafan berprestij oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (MoHE) itu turut menjulang MMU sebagai Universiti Keusahawanan Terbaik di negara ini.

Mazliham berkata ia sekali gus mengukuhkan lagi kedudukan MMU sebagai salah sebuah universiti terbaik di Malaysia dalam melahirkan graduan yang memiliki ilmu keusahawanan dan

kebolehpasaran tinggi dalam pasaran kerja.

“ECadet adalah program latihan keusahawanan bagi memberikan pendedahan awal tentang budaya keusahawanan sejak mula pengajian para pelajar di MMU.

“Melalui program ini, mereka akan diberi bimbingan oleh usahawan-usahawan terkemuka yang telah berjaya dalam bidang masing-masing,” katanya.

Dalam pada itu, Mazliham menyatakan penghargaan kepada Kementerian di atas anugerah tersebut yang menguatkan lagi komitmen berterusan MMU dalam menyediakan persekitaran pembelajaran terbaik untuk memastikan kecemerlangan pendidikan tinggi negara.

Turut hadir Menteri Pendidikan Tinggi, Senator Datuk Dr Zambray Abdul Kadir.

Terdahulu, dalam majlis yang sama, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) turut menerima anugerah yang sama bagi membolehkan UPSI dan MMU berkongsi hadiah utama RM250,000.

Diadakan setiap dua tahun, AKKPT bertujuan mengiktiraf inisiatif Institusi Pendidikan Tinggi dalam pembangunan dan pendidikan keusahawanan. Pencapaian ini menunjukkan komitmen institusi pengajian tinggi dalam memupuk semangat dan kemahiran keusahawanan di dalam kalangan komunitinya. 

15,000 bubur lambuk buat komuniti Putrajaya

GOTONG-ROYONG. Sebanyak 15,000 bekas bubur lambuk diedarkan kepada komuniti setempat dan surau-surau di Putrajaya bersempena bulan Ramadan kali ini.

Program Bubur Lambuk Wilayah Persekutuan Putrajaya Bersama Komuniti yang diadakan pada 16 Mac lalu bertempat di Kompleks Kejiranan Presint 9 melibatkan seramai 450 peserta dan berjaya

memasak sejumlah 25 periuk besar bubur lambuk secara bergotong-royong.

Acara tahunan anjuran Perbadanan Putrajaya (PPj) itu merupakan sebahagian daripada acara di bawah kalendar Program Bulan Ramadan Peringkat Wilayah Persekutuan Putrajaya yang dianjurkan dengan kerjasama Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan Putrajaya, Alam Flora

Environmental Solutions Sdn Bhd (AFES) dan Tenaga Nasional Berhad (TNB).


Objektif program ini adalah bertujuan untuk memupuk semangat kerjasama serta mengeratkan ukhuwah di antara agensi terutama Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) dan PPj bersama-sama komuniti setempat.

Turut hadir Presiden PPj, Datuk TPr Fadlun Mak Ujud. 



FADLUN (tujuh dari kiri) bersama sebahagian petugas ketika memasak bubur lambuk di Kompleks Kejiranan Presint 9. Foto: FARIS AZMI/PPj

PERCUMA UNTUK YANG CELIK HATI



**DAPATKAN JUGA VERSI
E-PAPER WILAYAHKU DI
WWW.WILAYAHKU.COM.MY**

Pantai Pancur Hitam Pohon Batu diancam hakisan

Penduduk rayu selamatkan Padang Majal

PENDUDUK Kampung Pohon Batu di sini menyuarakan rasa kebimbangan terhadap nasib padang awam yang dikenali Padang Majal berdekatan dengan pantai Pancur Hitam yang berisiko musnah diancam hakisan pantai jika tiada sebarang tindakan segera menangani isu itu.

Menurut Ketua Kampung Pohon Batu, **Haryadi Omar**, kejadian hakisan pantai di kampung itu khususnya di kawasan Padang Majal telah berlanjutan sejak lima tahun lalu dan ia semakin kritikal berikutan perubahan cuaca yang tidak menentu.

"Hakisan di pantai ini telah berlaku sejak lima tahun lalu dan setiap tahun saya akan meninjau dan memerhatikan hakisan ini. Namun pada awal tahun ini, saya mendapati ia semakin kritikal kerana telah meruntuhkan sebahagian kecil kawasan padang majal ini," katanya baru-baru ini.

Menjelas lanjut, Haryadi berkata dahulunya kira-kira 10 tahun lalu pantai ini memiliki kawasan pesisir kira-kira enam hingga 10 meter daripada paras laut.

"Jika dibandingkan pada ketika ini, boleh dikatakan kawasan ini telah kehilangan 90 peratus pasir pantai dan banyak pokok-pokok di sekitar pesisir pantai ini telah musnah akibat hakisan.

"Bagi saya perkara ini amat

serius kerana ianya bukan sahaja memusnahkan harta benda awam akan tetapi berisiko mengancam keselamatan pengguna padang ini pada masa akan datang," katanya.

Menurut Haryadi, masalah yang membelenggu penduduk kampung selama ini telah menyebabkan kesukaran khususnya golongan muda berikutan sebuah gelanggang futsal di kampung tersebut telah musnah ditimpa pokok kerana hakisan pantai.

"Saya pernah menyuarakan isu mengenai kerosakan gelanggang futsal yang berdekatan pantai itu yang sebelum ini turut menerima nasib yang sama dan kini anak muda kampung ini terpaksa pergi ke tempat lain untuk

bermain futsal," katanya.

Haryadi berkata perkara itu telah dibawa dan diusulkan kepada pihak berkuasa yang berkaitan untuk memohon tindakan segera bagi menangani isu tersebut, namun setakat ini belum ada tindakan susulan yang diambil.

"Isu ini telah banyak kali saya suarakan kerana ia perlu ditangani segera demi mengelakkan padang awam dan kemudahan lain yang disediakan kerajaan menerima nasib seperti gelanggang futsal," katanya.

Kata Haryadi lagi, pihaknya juga telah memperolehi sebuah projek daripada kerajaan untuk kerja-kerja naik taraf melibatkan



HAKISAN pantai sepanjang dua kilometer menyebabkan kerosakan kepada padang awam.

pemasangan lampu di kawasan padang ini.

"Jika masalah ini tidak ditangani segera, tidak mustahil kemudahan lampu ini juga bakal musnah dan akan menyebabkan penduduk kehilangan kemudahan itu sekali gus merugikan kerajaan," katanya.

Sementara itu, Ahli Majlis Belia Labuan (MBL) **Nizam Kasmal**, 43, berkata isu hakisan pantai berdekatan dengan padang awam itu perlu ditangani segera kerana Padang Majal ini turut digunakan oleh agensi kerajaan dalam melaksanakan aktiviti.

"Ia bukan sahaja digunakan oleh penduduk kampung malahan banyak juga jabatan-jabatan kerajaan yang menganjurkan

program sukan seperti pertandingan bola sepak dan sebagainya.

"Oleh itu, padang ini amat penting kepada penduduk di pulau ini dan kami tidak mahu padang ini terancam disebabkan oleh hakisan pantai yang semakin kritikal," katanya.

Bagi penduduk kampung, **Mohd Izuandi Jalaludin**, 40, langkah yang diambil kerajaan menerusi kaedah menambak kawasan pantai yang terhakis sejak 10 tahun lalu dilihat tidak berkesan memandangkan hakisan masih berlaku.

"Pembinaan benteng pemecah ombak merupakan idea yang bagus namun kita sedar ia memerlukan kos yang tinggi. Selain itu, fasiliti

yang rosak seperti gelanggang futsal juga perlu dinaiktaraf semula supaya ia dapat digunakan dan dimanfaatkan penduduk," katanya.



MOHD IZUANDI

Tinjauan Wilayahku di kawasan tersebut mendapati kesan hakisan sepanjang dua kilometer pantai di kampung itu yang semakin kritikal dan berisiko untuk memusnahkan struktur yang ada jika tidak diselenggara dengan segera.

Peniaga Pasar Sentral dapat diskaun 50%

PERBADANAN Labuan (PL) telah memberikan diskaun 50 peratus kadar sewa meja pasar awam dan premis niaga di Pasar Sentral UTC Labuan dan sekitarnya bagi tempoh 12 bulan bermula Januari sehingga Disember tahun ini.

Timbalan Pengerusi Perbadanan Labuan (PL) **Simsudin Sidek** berkata PL telah memperuntukkan sebanyak RM425,580 bagi pemberian diskaun untuk tahun ini membabitkan lebih 500 lot meja peniaga di pasar itu.

"Pemberian diskaun untuk kali ini akan memberi manfaat kepada 339 lot membabitkan 223 meja sayur dan buah, 90 meja ikan, 14 meja daging dan 12 meja ayam di Aras Bawah yang membabitkan peruntukan sebanyak RM61,020.

"Manakala 178 unit premis di Aras 1 dan 2 turut mendapat manfaat yang sama melibatkan pemberian diskaun sebanyak RM364,560," katanya baru-baru ini.

Simsudin berkata pihaknya sentiasa peka dan mendengar masalah yang disuarakan oleh para peniaga di pusat itu berikutan kekurangan pengunjung yang sekali gus menjejaskan sumber pendapatan mereka.



SIMSUDIN

"Ramai peniaga menyuarakan pada hari bekerja Pasar Sentral ini agak sunyi dan kurang pengunjung dan di pihak PL ketika ini sedang merancang pelbagai program untuk dilaksanakan di kawasan ini agar ia dapat menarik lebih ramai pengunjung berkunjung ke sini.

"Seperti yang diumumkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) Dr Zaliha Mustafa pada tahun ini lebih 90 program bakal dilaksanakan di Labuan dan daripada program-program itu kita akan cuba untuk menjadikan pasar ini sebagai tempat pelaksanaan program yang bersesuaian," katanya.

NGO sambut baik pewartaan Kina Benuwa

LABUAN Society menyambut baik pengumuman Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Nik Nazmi Nik Ahmad berhubung pewartaan Hutan Simpan Kekal Kina Benuwa yang bakal menjadi pusat tumpuan ekopelancongan sekali gus merangsang ekonomi tempatan pada 5 Mac lalu.

Pengerusinya, **Wan Abdul Rahim Wan Abdul Rahman** berkata pengiktirafan itu merupakan perkara yang dinanti-nantikan seluruh penduduk dan berharap usaha itu tidak terhenti di situ sahaja kerana ia perlu ada perkembangan dari semasa ke semasa.

"Sebagai sebuah NGO yang aktif memperjuangkan hutan Kina Benuwa, kita amat menyambut baik dengan pengumuman menteri yang telah mewartakan hutan ini sebagai Hutan Simpan Kekal dan Labuan bakal menjadi tumpuan pelancongan dan

secara tidak langsung mampu menjana pendapatan bagi ekonomi tempatan khususnya dalam sektor pelancongan," katanya kepada Wilayahku baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Wan Abdul Rahim mencadangkan agar pembangunan infrastruktur di kawasan itu perlu dilaksanakan segera supaya ia dapat memberi manfaat kepada penduduk sekali gus mencipta pelbagai peluang pekerjaan dan perniagaan secara kecil-kecilan.

"Hutan Kina Benuwa ini mempunyai peluang yang besar dalam meningkatkan sektor ekopelancongan di pulau ini jika ia dimajukan. Ini kerana kita melihat peluang itu bukan sahaja dari ekonomi malahan sumber semulajadi yang

terdapat di hutan ini.

"Saya pasti jika hutan ini dimajukan dengan sebaik-baiknya ia bakal menjadi salah satu lokasi pelancongan yang boleh menjadi pemacu ekonomi di pulau ini khasnya kepada golongan nelayan,"katanya.

Ujarnya, status

Kina Benuwa menerusi pewartaan sebagai Hutan Simpan Kekal ini haruslah dimanfaatkan sebaik-baiknya seperti hutan simpan lain di negeri Sabah yang menjadi tumpuan pelancong tempatan dan

antrabangsa.

6 Mac lalu, Nik Nazmi mengadakan lawatan kerja ke Labuan dan mengumumkan hutan Kina Benuwa sebagai Hutan Simpan Kekal sekali gus menjadi satu-satunya Hutan Simpan Kekal yang terdapat di Wilayah Persekutuan.



WAN ABDUL RAHIM

Ke arah bandar rendah karbon

Bawa bekas sendiri ke bazar Ramadan

SABRINA SABRE

WARGA Wilayah Persekutuan diseru untuk membudayakan membawa bekas makanan sendiri ketika berkunjung ke bazar Ramadan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Dr Zaliha Mustafa** berkata langkah itu dilaksanakan bagi mengurangkan penggunaan plastik membungkus makanan selari dengan usaha ke arah bandar rendah karbon.

“Kita semua sedia maklum tentang ancaman penggunaan plastik konvensional yang banyak memberikan kesan negatif terhadap kesihatan dan alam sekitar.

“Malah ia mengambil masa beratus-ratus tahun untuk terurai selain boleh menghasilkan bahan toksik berbahaya atau partikel halus yang menyerap masuk ke dalam tanah serta air sekali gus mengakibatkan pencemaran,” katanya selepas membuat tinjauan di Bazar Ramadan Presint 3, Putrajaya baru-baru ini.

Turut hadir Ketua Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP), Datuk Noridah Abdul Rahim dan Presiden Perbadanan



ZALIHA mengedarkan beg kepada pengunjung FRP2024 dalam menjayakan inisiatif kempen yang dijalankan.

Putrajaya (PPJ), Datuk TPr Fadlun Mak Ujud.

Dalam masa sama, Zaliha berkata pihak JWP telah melaksanakan pelbagai program

kesedaran, sesi libat urus bersama orang ramai serta pemain industri dan pameran produk biodegradasi bagi meningkatkan budaya membawa bekas dari rumah.

“Antaranya adalah Program Turun Padang (TUPA), taklimat bersama pihak berkepentingan, seminar, lawatan ke premis serta mengadakan pameran berkaitan

dengan produk biodegradasi. Semua program ini diadakan khusus untuk menyuntik kefahaman dan kesedaran dalam kalangan rakyat mengenai penggunaan produk biodegradasi.

“JWP bersama agensi-agensi di bawahnya akan meneruskan fokus dalam menggalakkan penggunaan produk biodegradasi di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan,” ujar beliau.

Sementara itu, Zaliha memaklumkan pihak PPJ juga meneruskan kempen menyokong inisiatif Putrajaya Bandar Hijau Rendah Karbon dan kesejahteraan komuniti sejagat melalui Festival Ramadan Putrajaya 2024 (FRP2024).

“Antaranya Kempen Bawa Beg Sendiri/Bekas Makanan Sendiri ke Bazar Ramadan, Kempen Jualan Menu Rahmah, Kempen Jom Biodiesel, Kempen Save Food, Kempen Menggunakan Produk Biodegradasi, Kempen Elakkan Pembaziran Makanan (Beli Apa Yang Perlu) dan Kempen Pengurangan Sisa Organik Melalui Pengkomposan,” ujarnya. 

Pengguna ada kuasa tolak peniaga jual makanan mahal

PENGGUNA mempunyai kuasa untuk menolak mana-mana peniaga yang menjual makanan pada harga mahal.

Menurut Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, **Senator Fuziah Salleh**, walaupun berlaku peningkatan harga makanan di bazar Ramadan, pengguna perlu bijak dan mengguna kuasa menolak peniaga yang menjual pada harga mahal.

“Memang ada aduan mengenai harga makanan mahal tetapi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) pastikan tiada pencatutan atau kenaikan harga tidak munasabah oleh peniaga,” katanya selepas melancarkan Bazar Ramadan Rahmah (BRR) 2024 di Presint 14, Putrajaya baru-baru ini.

Beliau berkata pengguna juga mempunyai kuasa menentukan harga pasaran dan tindakan itu akan memaksa peniaga menurunkan harga.

“Mengambil contoh harga martabak yang didakwa dijual mahal di bazar Ramadan, kenaikan itu tidak dapat dielak memandangkan kos bahan mentah seperti bawang besar dan daging import menyaksikan peningkatan harga.

“KPDN menerima 126 aduan



FUZIAH ketika meninjau BRR di Presint 14, Putrajaya. Foto: FARIS AZMI/PPJ

dan 11 kes dibuka dengan sembilan melibatkan bazar Ramadan dalam Ops Pantau yang diadakan pada dua hari bermula 12 Mac lepas.

“Daripada sembilan kes di bazar Ramadan, sebanyak lima kes meliputi tidak mempamerkan tanda harga dan empat berkaitan kenaikan harga.

“Pihak KPDN akan terus memantau harga di semua bazar Ramadan dan pasar raya dalam usaha mengekang aktiviti pencatutan oleh peniaga yang tidak bertanggungjawab,” ujar beliau.

Dalam masa sama, Fuziah memaklumkan BRR merupakan inisiatif serta tawaran Kerajaan MADANI kepada rakyat yang mana

40 peratus peniaga bazar akan menawarkan sekurang-kurangnya satu Menu Rahmah berharga tidak melebihi RM5.

“BRR merupakan salah satu inisiatif utama di bawah Program Payung Rahmah MADANI dengan objektif untuk mengurangkan kos sara hidup rakyat melalui pilihan hidangan terbuka puasa pada harga yang berpatutan.

“Semua peniaga BRR yang mana melibatkan 64 lokaliti di seluruh negara telah digalakkan untuk menawarkan Menu Rahmah pada harga RM5 dan ke bawah sebagai pilihan menu tambahan ditawarkan kepada pengunjung,” ujarnya. 



ZALIHA mempengerusikan perbincangan yang diadakan baru-baru ini. Foto: PEJABAT MENTERI

Lebih 10,000 unit residensi bakal dibina

LEBIH 10,000 unit Residensi MADANI dan Wilayah disasar dibangunkan di Putrajaya bermula tahun ini dan dijangka siap pada 2027.

Menurut Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Dr Zaliha Mustafa**, pembangunan kedua-dua jenis residensi itu akan memberi manfaat kepada mereka yang berpendapatan rendah dan sederhana untuk memiliki kediaman mampu milik pada harga di bawah RM300,000.

“Ini adalah satu daripada usaha peningkatan darjat hidup rakyat di bawah kluster Program Usaha Jaya Insan (PUJI) melalui inisiatif Lindung @ PUJI.

“Insyallah di Putrajaya projek

ini akan dibangunkan di pelbagai Presint dengan sasaran melebihi 10,000 unit yang akan dibina bermula 2024 dan siap pada 2027,” ujar beliau.

Zaliha berkata demikian selepas mengadakan perbincangan dan mendengar sendiri isu dan ketersediaan pemaju bagi memulakan Projek Perumahan Residensi MADANI dan Wilayah yang akan dibangunkan di Putrajaya.

Sebagai rekod, PUJI adalah satu daripada inisiatif atau program memperkasa warga Wilayah Persekutuan yang telah dirangka sebagai pendekatan inklusif dalam menangani isu sosioekonomi di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya. 

Faktor fizikal bukan alasan serah kalah

Nurelfira cipta sensasi di Australia

SABRINA SABRE

BERPEGANG kepada prinsip tidak menyerah kalah sebelum berjuang menjadi kunci kejayaan **Nurelfira Umaira Mohd Yusof** yang berjaya mencipta sensasi sekali gus memenangi pingat emas acara 80 meter lari berpagar perempuan bawah 14 tahun pada Kejohanan Trek dan Padang WA State 2024 di Perth, Australia baru-baru ini.

Atlet bertubuh kecil dan berketinggian 151 sentimeter itu berkata meskipun melihat saiz fizikal lawan lebih tinggi dan besar dengan pelari tertinggi lebih 180 sentimeter, ia bukan penyebab untuk dia gentar malah lebih bersemangat dan yakin untuk membawa pulang pingat.

“Saya memang sasar untuk bawa pulang pingat emas dan sebab itulah saya giat menjalani latihan. Semasa melihat pihak lawan, saya tetap yakin menang kerana telah berlatih lama sejak darjah empat (10 tahun). Saya yakin menang walaupun saya paling pendek dan kecil,” ujar atlet berusia 13 tahun itu.

Selain itu, pelajar Sekolah Kebangsaan Pasir Putih, Tawau itu berkata antara cabaran lain yang dihadapi adalah menyesuaikan



NURELFIRA UMAIRA (kiri) dalam Kejohanan Trek dan Padang WA State 2024 di Perth, Australia.

cara larian dalam tempoh singkat sebaik mengetahui terdapat perbezaan jumlah pagar digunakan pada acara 80 meter lari berpagar.

“Ini kerana kebiasaan di Malaysia acara itu menggunakan halangan lapan pagar,

bagaimanapun di Australia sembilan pagar digunakan menjadikan jarak setiap pagar berkenaan lebih dekat.

“Susah sikit lapan pagar ke sembilan pagar, jadi sebelum acara akhir dimulakan saya panaskan

badan lagi dan cuba berlatih, syukur berjaya dengan masa 13.10 saat untuk emas,” ujarnya.

Di samping itu, dia yang turut meraih pingat perak 200 meter lari berpagar perempuan bawah 14 tahun dalam kejohanan sama

Pencapaian Nurelfira Umaira

2024 - Kejohanan Trek dan Padang WA State - Emas

2023 - Kejohanan Olahraga Majlis Sukan Sekolah (MSS) Sabah ke-55 - Emas

memaklumkan akan kembali menjalani latihan sebagai persiapan menyertai Little Athletics Championships yang dijadual berlangsung di Bukit Jalil, Kuala Lumpur pada Julai ini.

“Cikgu saya, Karim Batjo adalah pencetus minat untuk saya menyertai acara sukan lari berpagar ketika di tahun empat. Sasaran saya untuk mewakili Malaysia pada kejohanan lebih besar seperti Sukan SEA,” ujarnya.

Terdahulu, Nurelfira Umaira memecahkan rekod larian 80 meter lari berpagar Majlis Sukan Sekolah (MSS) Sabah di Keningau dengan catatan 12.41 saat selain turut mendapat rekod terbaik pada Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM) bagi acara sama.



20 atlet dijangka layak ke Olimpik

KETUA Kontinjen (CDM) Malaysia ke Sukan Olimpik 2024, **Datuk Hamidin Mohd Amin** yakin sekurang-kurangnya 20 atlet mampu layak ke temasya terbesar dunia itu yang dijadual berlangsung pada 26 Julai hingga 11 Ogos 2024.

Beliau berkata jumlah maksimum boleh mencecah 29 atlet termasuk kelayakan secara merit, tempat kesejagatan (*wild card*) dan kuota yang tidak digunakan selepas beberapa nama besar gagal melayakkan diri.

“Antara sukan yang masih dalam proses kelayakan adalah renang, angkat berat, badminton, golf, gimnastik artistik, memanah, olahraga, pingpong, taekwando dan bola sepak bawah 23 (B-23) lelaki,” katanya selepas mempengerusikan mesyuarat pengurus pasukan di Wisma OCM pada Isnin.

Namun, Hamidin yang juga Presiden Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) mengakui bahawa berdasarkan prestasi, sukan bola sepak tiada dalam jangkaan untuk melayakkan diri apabila hanya tiga pasukan terbaik pada Piala Asia B-23 di Qatar dari 15 April hingga 3 Mei ini akan meraih tiket ke Paris.

Setakat ini lima atlet iaitu Bertrand Rhodict Lises (terjun), Nur Shazrin Mohamad Latif



BERTRAND RHODICT LISES muncul penerjun pertama negara yang layak ke Olimpik Paris 2024.

(pelayaran), Guanjie Johnathan Wong (menembak), Ariana Nur Dania Mohd Zairi (memanah) dan Nur Aisyah Mohd Zubir (berbasikal lebuah raya) telah mengesahkan slot ke Olimpik.

Sementara itu, beliau berkata bukan semua pengurus pasukan dapat ke Olimpik kali ini kerana kuota pegawai terhad berikutan jumlah atlet yang kecil dan syarat keselamatan ketat.

“Ada sesetengah daripada pengurus pasukan yang bekerja dari jauh atau dari Malaysia. Saya harap mereka dapat memberi

kerjasama penuh dan sama-sama memantau perkembangan atlet mereka dari Malaysia.

“Lebih ramai atlet yang layak, lebih besar jumlah pegawai boleh kita hantar bagi membantu melicinkan proses perjalanan, persiapan, logistik, sistem sokongan sains sukan dan perubahan,” ujarnya.

Dalam masa sama, beliau turut menasihati atlet untuk sentiasa menjaga kesihatan dan kekal hidrasi kerana cuaca pada musim panas di Paris dijangka paling panas sejak beberapa tahun yang mana mungkin akan mencecah 43 darjah Celsius dengan suhu purata dianggarkan 37 darjah Celsius.

PJBM anjur simposium kejurulatihan antarabangsa

PERSATUAN Jurulatih Bolasepak Malaysia (PJBM) akan menganjurkan Simposium Kejurulatihan Antarabangsa 2024 yang bakal melibatkan penceramah dari luar negara September ini.

Presiden PJBM, **Datuk Ong Kim Swee** berkata penceramah dari luar negara akan menyampaikan taklimat antaranya berkaitan corak kejurulatihan moden.

“Selain itu, Ketua Jurulatih Harimau Malaya, Kim Pan Gon turut dijemput untuk berkongsi maklumat mengenai peranan serta aspek penting dalam mengendalikan pasukan sehingga berjaya.

“Sasaran peserta untuk seminar ini adalah dalam kalangan ahli-ahli PJBM sendiri serta semua jurulatih yang terlibat dalam mengendalikan pasukan-pasukan Liga Malaysia bagi musim 2024/25,” ujar beliau.

Dalam masa sama, Kim Swee berkata PJBM turut memberi peringatan kepada semua jurulatih Liga Malaysia 2024/25 supaya memperbaharui lesen

jurulatih masing-masing.

“Peringatan itu melibatkan jurulatih yang mengendalikan mana-mana pasukan dalam saingan Liga Super, Piala MFL, Liga M3, Liga M4, Piala Presiden, Piala Belia dan Liga Perdana Futsal Malaysia (MPFL).

“Di samping itu, PJBM sedang berusaha untuk terus menjaga

kebijakan ahlinya terutama jurulatih yang tidak dibayar gaji oleh pasukan dengan membantu dalam penyediaan afidavit bagi membuat tuntutan tunggakan gaji tersebut.

“Penetapan syarat 15 jam kredit yang perlu dilalui semua jurulatih terlibat dengan pasukan masih di peringkat perbincangan bersama Pengarah Teknikal Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM), Scott O’Donnell,” ujar beliau.

Sementara itu, persatuan itu juga bercadang untuk melaksanakan Kursus Kejurulatihan Bola Sepak Diploma ‘B’ AFC/FAM Julai ini dan Kursus Kejurulatihan Futsal Tahap 1 & 2 pada Mei dan Jun 2024 selain akan memperhalusi semula Peta Hala Tuju PJBM.



ONG KIM SWEE



HAMIDIN

Nelissa tak kuat terima kecaman

DEEL ANJER

PELAKON Nelissa Nizam akui tidak sekuat rakan baiknya Sophia Albarakbah apabila berhadapan dengan kontroversi dan kecaman hebat.

Nelissa atau nama lengkapnya, Nelissa Edreena Nizam, 26, berkata dia yang pernah dikritik kerana tidak layak bergandingan dengan Zul Ariffin dalam drama Tarik Aku Ke Syurga, menganggap kontroversi adalah suatu yang menyeramkan.

“Ketika itu tak nak tengok media sosial sebab saya sangat terkesan. Takutnya sebab orang yang kritik tu tak kenal saya pun. Apabila Sophia terkena kontroversi dan ada yang cakap itu perlu sebagai artis, tapi saya tahu ia sangat melukakan hatinya.

“Saya rasa siapa-siapa yang ada di tempat dia, pasti akan rasa terkesan. Iyalah, bangun pagi dah kena caci maki oleh netizen. Siapa pun tak mahu situasi itu.

“Saya tidak sekuat Sophia. Bagi saya, Sophia dan mana-mana artis yang boleh berhadapan dengan kontroversi serta cacian orang, mereka sangat hebat dan kental,” katanya.

Dalam masa yang sama, Nelissa akui tidak boleh terlalu selesa sebaliknya perlu mempersiapkan diri dalam berhadapan dugaan yang mendatang dalam dunia seni.

“Apa-apa pun saya tetap kena bina kekuatan dalaman untuk jadi kental. Mahu atau tidak, saya tetap kena hadap kerana itu adalah asam garam anak seni. Apabila ada yang tanya tak nak cipta kontroversi ke? Sebenarnya saya takut. Namun, kalau ia datang sendiri, saya perlu hadapinya juga,” ujarnya.

Menyentuh tentang kontroversi, Nelissa juga kagum dengan ketabahan hati rakan-rakannya kumpulan The Gadys yang dikecam hebat sebelum ini.

Ia berikutan apabila kumpulan The Gadys menerima kecaman teruk netizen berikutan kegagalan menyanyi dengan baik dalam satu program hiburan, baru-baru ini.

Nelissa yang juga bekas anggota asal The Gadys berkata masyarakat harus memberikan



peluang kepada kumpulan tersebut untuk memperbaiki kelemahan yang ada pada mereka dan menjadi lebih baik.

“Apabila tengok mereka kena kecam sebegitu rupa, memang sedih jugalah. Bagaimanapun bukanlah posisi saya untuk bercakap apa-apa sebab saya bukan lagi ahli kumpulan itu.

“Saya percaya mereka sudah memberikan yang terbaik pada malam itu. Tak kisah lah orang nak cakap apa pun sebab mereka boleh menyanyi di atas pentas, jadi diharapkan perkara ini menjadi pembakar semangat buat mereka,” tambahnya.

Sebelum ini, Nelissa pernah merakamkan lagu Gadys Raya bersama The Gadys pada 2022.

Dulu ‘kuku besi’ sekarang tidak lagi

PENYANYI dan komposer, **Amylea Azizan**, 38, mengaku masih dalam fasa membiasakan diri menjadi isteri kepada seorang pegawai bomba Singapura, Mohammad Aqbar Mohamad, 41.

Menurut Amylea yang mendirikan rumah tangga tahun lalu, walaupun dirinya sedang meniti saat-saat bahagia, namun dia perlu mengubah cara hidupnya yang dahulu berbanding sekarang. “Sebenarnya saya masih dalam fasa kadang-kadang macam tak percaya dah ada suami. Selalunya apa yang kita rasa, alami atau fikir, kita simpan sendiri. Sekarang tak boleh, suami kena tahu.

“Apa-apa pun, alhamdulillah saya sangat gembira dan bahagia dengan situasi sekarang. Kita ada seseorang yang betul-betul ambil tahu pasal kita setiap hari.

“Iyalah, selama ini kita ada kawan-kawan bersama kita tapi ia tidak sama dengan suami. Mungkin dahulu dengan kawan masa lepak sahaja tapi bila balik rumah tetap sendiri,” katanya.

Amylea juga mengaku sebelum ini dia gemar membuat keputusan dan bertindak sendiri. Namun kini, hidupnya lebih terjaga apabila suami sentiasa ada untuk bersama dalam apa jua keadaan.

“Biasalah apa-apa kena beritahu suami agar dia tidak risau. Sama juga apabila hendak membuat apa-apa keputusan. Saya kena biasakan diri merujuk suami. Walaupun saya agak ‘kuku besi’ sebelum ini sebab lebih suka buat keputusan sendiri tanpa bertanya

sesiapa, sekarang tidak lagi sebab kita perlu bercerita kepada suami.

“Hari-hari kena buat ‘laporan’ sebab dia nak tahu sama ada saya dalam keadaan baik atau tidak. Sebenarnya banyak sangat perubahan selepas kahwin ini. Saya ingat berkahwin itu hanya tambah seorang saja dalam hidup kita, ternyata sangkaan saya salah,” jelasnya.

Seperti pasangan lain, Amylea dan suami juga tidak terlepas daripada soalan tentang anak. Bagi pelantun lagu Tak Pernah Hilang ini, segalanya diserahkan kepada ketentuan Allah.

“Sudah tentu, kami juga seperti pasangan lain mahukan cahaya mata. Siapa yang tak mahu anak. Ramai juga pasangan di luar sana yang kahwin awal 20-an, namun belum ada rezeki anak walaupun sudah mencecah 40-an.

“Pasal anak ini, kita memang tak tahu bila Allah nak bagi. Sekiranya saya ni yang terbaik untuk menjadi ibu, Allah akan bagi. Kalau saya bukan terbaik, mungkin saya dapat (anak) di akhirat nanti. Saya cuba untuk menjadi orang yang reda, sekiranya ada atau pun tidak,” tambahnya.



Tiada istilah cinta lokasi

DALAM hidup berumah tangga, datanglah apa jua godaan pun ia tidak memberi kesan apa-apa jika iman di dada kuat dan sentiasa setia kepada pasangan.

Begitulah juga dengan kerjaya sebagai pelakon, cinta hanya lahir di lokasi bersandarkan watak yang diberikan. Segalanya kembali ke alam realiti apabila tamatnya penggambaran.

Itulah prinsip pelakon Wan Raja yang kini bergandingan dengan Fasha Sandha dalam drama Malang Si Puteri terbitan Radius

One Sdn Bhd.

Bagi **Wan Raja** atau nama lengkapnya Saiful Redzuan Abu Bakar, 46, meskipun kerap berlakon bersama Fasha, namun masing-masing profesional dan tidak membawa urusan kerja di luar set.

“Saya dan Fasha dah banyak kali bekerjasama. Rasanya lebih empat kali dah kami digandingkan dalam satu produksi. Tiada istilah cinta lokasi atau isu siapa sondol siapa. Keserasian kami hanya di lokasi penggambaran saja,” jelas suami kepada pelakon Yaya Maembong ini.

Menurut Wan Raja, isterinya memahami dan suami Fasha iaitu Aidil juga meletakkan kepercayaan, sekali gus mengelakkan rasa curiga pasangan masing-masing.

“Isteri saya okey saja jika saya digandingkan dengan Fasha, tiada masalah. Begitu juga dengan Aidil, masing-masing okey. Pasangan kami saling mengenali dengan siapa kami berlakon,” ujarnya.





ILAYAHKU

● BIL 255 ● 22 - 28 MAC 2024 ● PP19441/12/2018 (035014)



Isu kalimah Allah

Boleh marah jangan sampai maki hamun

AZLAN ZAMBRY

POLEMIK dan penghinaan kalimah Allah telah mencetuskan pelbagai reaksi tidak selesa dalam kalangan umat Islam sehingga sanggup menuturkan kata-kata kesat yang dilarang dalam agama.

Pensyarah Kanan Universiti Putra Malaysia (UPM) **Profesor Madya Dr Sukki Othman** berkata sensitiviti dalam kalangan umat Islam berhubung isu kalimah Allah menunjukkan perkembangan yang baik namun perlu dikawal sesuai dengan ajaran Islam.

“Memang ia isu sensitif kerana penggunaan kalimah Allah itu diletakkan di tempat yang tidak sepatutnya dan sememangnya membangkitkan perasaan marah.

“Namun ada dalam kalangan umat Islam,

apabila timbul isu ini mereka meluahkan kemarahan sehingga memaki hamun sedangkan ia bukan daripada ajaran Islam,” katanya ketika dihubungi pada Selasa.

Beliau yang dikenali sebagai Ustaz Shauqi berkata terdapat kaedah di dalam Islam untuk mendepani situasi ini tanpa perlu memaki hamun dan mengeluarkan kata-kata nista terhadap orang bukan Islam.

“Apapun kita perlu kaedah bercakap dengan baik, tegur dengan perkataan yang sopan namun dalam masa sama menunjukkan ketegasan tetapi tidak bermakna perlu memaki hamun kerana mesej tetap sampai walau tanpa berbuat demikian,” katanya.

Kata beliau, ketegasan perlu ada dan tidak semestinya menerusi makian atau cacian kerana ia akan berlanjutan dan berisiko mencetuskan pergaduhan serta persengketaan yang berpanjangan.

“Apabila bercakap dengan tegas tanpa melibatkan maki hamun, maka mesej yang hendak disampaikan itu lebih

mudah

sekali

gus boleh mengatasi konflik lain yang mungkin tercetus.

“Justeru itu, semua pihak perlu mengikut lunas-lunas agama meskipun perasaan marah dan tidak puas hati itu memuncak, namun perlu dikawal kerana itulah ajaran Rasulullah SAW,” katanya.

Menurut Shauqi, beliau melihat faktor penggunaan media sosial yang tidak terkawal menyebabkan persengketaan antara kaum semakin melebar.

“Setakat ini, boleh dikatakan penggunaan media

sosial ini meluas dan ia tidak dikawal dan apabila ada individu mula memetik sesuatu perkara yang menjurus ke arah sesuatu, ia menjadi semakin panas kerana ada pula sekelompok yang akan mengapi-apikan.

“Ia juga tidak terhad kepada umat Islam semata-mata kerana ada juga dalam kalangan *non-muslim* yang turut menyumbang kepada perbalahan ini,” katanya.

Dalam pada itu, Shauqi menyatakan bahawa setiap yang berlaku pastinya mempunyai hikmah tersendiri khususnya perkara tersebut tercetus di bulan Ramadan.

“Saya lihat kesedaran atau sensitiviti masih wujud dalam kalangan umat Islam. Maknanya tindakan atau perkara yang mendorong penghinaan terhadap agama Islam merupakan sesuatu yang amat sensitif dan tidak sepatutnya berlaku.

“Semua pihak perlu mengambil berat dan jangan berlaku perkara seumpama itu lagi dan adab berdakwah perlu ada untuk mengetengahkan sesuatu,” katanya.

Selain itu, katanya berada dalam masyarakat majmuk ini, semua pihak perlu ada sikap saling hormat-menghormati supaya hidup lebih harmoni.

“Apa jua berkaitan isu agama Islam, tidak boleh dipermainkan begitu juga melibatkan agama, budaya dan kaum lain juga perlu dititikberatkan dan mesti ada usaha untuk meningkatkan perpaduan dalam kalangan masyarakat,” katanya.

Sementara itu Shauqi berkata perkara tersebut tiada kena mengena dengan kerajaan kerana ia berkaitan dengan syariat disebabkan tidak peka dengan sensitiviti umat Islam.

“Jadi natijah daripada isu ini, kerajaan perlu bertegas bagi mengelakkan perkara ini berlaku kerana ia berulang-ulang dan mereka perlu sensitif dengan kalimah Allah yang sememangnya diagung-agungkan dalam kehidupan umat Islam di negara ini,” katanya.



Laksana zakat melalui Pondok Tarbiyah Haji Siraj

SEMPENA bulan Ramadan, orang ramai boleh melaksanakan zakat dengan Lembaga Zakat Selangor (LZS) melalui Pondok Tarbiyah Haji Siraj.

Setiausaha Jawatankuasa Pengurusan Pondok Tarbiyah Haji Siraj, Muhammad Diah Janun berkata, banyak kelebihan membayar zakat melalui Pondok Tarbiyah.

“Antaranya dapat membantu pondok dalam memberikan pendidikan percuma kepada semua pelajar selain boleh dibayar pada bila-bila masa sahaja. Dalam masa yang sama, sebahagian daripada zakat yang telah dibayar juga akan disalurkan untuk perbelanjaan pondok,” ujarnya.

Muhammad Diah yang dilantik oleh LZS sebagai Penolong Amil berkata pondok tersebut yang terletak di Sungai Buloh, sememangnya amat menghargai segala bantuan yang diterima.

“Pondok tersebut menempatkan seramai 60 pelajar serta enam orang guru, dengan bantuan ini sedikit sebanyak dapat memberikan sesi pembelajaran yang lebih baik buat mereka.

“Malah hanya dengan zakat serta bantuan-bantuan yang diterima ini,

mampu untuk terus mengekalkan Pondok Tarbiyah Haji Siraj dalam memberikan didikan,” ujarnya.

Jelasnya, selain menunaikan kewajipan, mereka juga mampu menyucikan harta-harta pendapatan.

“Selain daripada melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang Islam yang wajib untuk ditunaikan, ia juga untuk menyucikan harta serta diri kita daripada kekhilafan.



MUHAMMAD

“Salah satu cara untuk menyucikan harta ialah dengan berzakat, mudah-mudahan dengan zakat ini juga dapat membantu golongan yang menerima sekali gus diberi keberkatan rezeki pada masa hadapan,” katanya.

Antara zakat yang dibolehkan ialah pendapatan, perniagaan, pelaburan, wang simpanan, emas dan perak, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), takaful, padi, qada zakat, serta zakat fitrah megikut kadar yang telah ditetapkan.

Orang ramai boleh melaksanakan bayaran zakat atas nama Lembaga Zakat Selangor melalui Maybank Islamic, Pondok Tarbiyah Haji Siraj, nombor akaun 5505 1140 0554.